



Hujung Minggu

فیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.54 SUBUH 5.04 SYURUK 6.27 DUHA 6.51 ZUHUR 12.23 ASAR 3.45 MAGHRIB 6.18 ISYAK 7.32 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 156

30 DISEMBER 2023 / 1445 جادی الآخر 17

MANISNYA IMAN

"DAN tidak ada satupun makhluk yang melata di bumi melainkan Allah yang menjamin rezekinya dan mengetahui tempat menetap dan tempat penyimpanannya. Semuanya itu tertulis di dalam kitab yang nyata (Lauh Mahfuzh)".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, ayat 6.



JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

KEPENTINGAN MILIKI KEMAHIRAN ABAD KE-21



Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

LONDON, UNITED KINGDOM, Khamis, 28 Disember. - Kepentingan bagi pelajar-pelajar pengajian tinggi - yang dijangka akan memasuki alam pekerjaan - untuk memiliki kemahiran Abad Ke-21 seperti inovatif, komunikasi efektif, kolaborasi, pemikiran kritis dan adaptabiliti sebagai alat bagi pembentukan tenaga kerja Negara Brunei Darussalam (NBD).

Oleh itu, kemahiran-kemahiran seperti ini tidak cuma dipelajari melalui buku-

buku teks dan kaedah pembelajaran akan tetapi juga diperolehi melalui pembelajaran secara informal dari persekitaran dan pengalaman harian.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

berkenan mengurniakan titah pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London.

Dalam titah, baginda seterusnya menegaskan bahawa para pelajar tetap berhadapan dengan usaha untuk membina jati diri yang luhur lagi terpuji dalam apa pun keadaan. Ke arah ini, titah baginda, para pelajar adalah diharapkan untuk memanfaatkan peluang belajar di luar negara bukan hanya untuk menimba ilmu pengetahuan semata-mata, malahan juga untuk menjadi modal insan yang berakhlik mulia di samping memiliki idea-idea besar dan maju bagi merealisasikan Wawasan NBD 2035.

>> Muka 2

Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu RPN Kampung Meragang

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

MERAGANG, Khamis, 28 Disember. - Penduduk Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Meragang dan sekitarnya akan mempunyai sebuah masjid baharu yang dijangka siap pada Januari 2024.

Bangunan Masjid Baharu RPN Kampung Meragang berkenaan dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 8.159 ekar dengan menggunakan anggaran peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara

berjumlah BND4.3 juta.

Pembinaan masjid baharu berkenaan dibina mulai dengan mendirikan tiangnya pada 30 Mac 2020.

Sehubungan dengan itu, Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu RPN Kampung Meragang diadakan pagi tadi.

Hadir sama pada majlis berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu RPN Kampung Meragang adalah bertujuan untuk memastikan kebersihan dan kesucian bangunan masjid baharu berkenaan sebelum pemasangan permaidani dilaksanakan.

>> Muka 6

Ringankan beban golongan memerlukan

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

Gadong, Rabu, 27 Disember. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) seperti lazimnya mengadakan Majlis Penyampaian Derma bagi perbelanjaan persekolahan anak-anak yatim Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) bagi musim persekolahan tahun 2024.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah, Yang Dipertua PEKERTI, Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman.

Turut hadir pada majlis tersebut Pengurus PEKERTI, Datin Sabrina binti Abdullah Chong dan juga Pengurus Badan Kebajikan PEKERTI selaku Pengurus Majlis, Dayang Rokiah binti Joly@Julai, Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI, anggota-

anggota polis wanita dan isteri-isteri polis. Majlis tersebut mengambil tempat di Dewan Bankuet, Mes Pegawai Polis, Ibu Pejabat Polis Gadong.

Di majlis tersebut tetamu kehormat berkesudian untuk menyampaikan derma kepada seramai 95 orang anak-anak yatim PPDB.

>> Muka 9



Berita Utama



BERSAMA meningkatkan stok bekalan darah

Muka 9



PEKA, waspada dengan ancaman siber

Muka 18



RENTETAN Peristiwa Sepanjang Tahun 2023

Muka 20



DAPATKAN Kalendar 2024 di dalam

Kepentingan miliki kemahiran Abad Ke-21



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di United Kingdom dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London.

>> Muka 1

Menyentuh mengenai teknologi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, negara memerlukan rakyat yang sentiasa sedar mengenai masa depan, memiliki minda besar dan disiplin yang tinggi serta menguasai teknologi, di mana teknologi pada masa kini sudah

menjadi sebahagian daripada kehidupan terpenting untuk memperkaya pengalaman dan sebagai alat bantu atau *enabler* bagi digunakan dengan bijak, sambil tidak mengabaikan kerja keras dan kecekapan diri.

Untuk itu, titah baginda lagi, para pelajar disarankan supaya menetapkan dengan tegas dan jelas matlamat pembelajaran melalui usaha-usaha gigih dan murni.

Dalam mengakhiri titah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

Darussalam menasihatkan para pelajar untuk menjadi individu yang berintegriti dan mempunyai prinsip moral yang kukuh kerana di tengah lingkungan yang ada mungkin saja berbeza budaya dan fahaman.

Justeru, baginda menyeru setiap pelajar mustahaklah ingat untuk tetap setia kepada nilai-nilai dan prinsip-prinsip yang dipegang selaku orang Brunei serta

tidak terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang boleh membahayakan keselamatan dan kesejahteraan diri sendiri.

Kegiatan yang melibatkan masyarakat setempat memang berbeza dengan apa yang lazim dilaksanakan oleh masyarakat kita. Oleh itu, titah baginda, wajarlah para pelajarmenilairisikodenganmengutamakan keselamatan dan kesejahteraan diri, tegas baginda.

Disember MASIHI	HARI	Jamadiakhir HIJRAH	WAKTU SEMBAHYANG							
			IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
30	SABTU	17	4.54	5.04	6.27	6.51	12.23	3.45	6.18	7.32
31	AHAD	18	4.54	5.04	6.28	6.52	12.24	3.46	6.18	7.33
1 Januari	ISNIN	19	4.55	5.05	6.28	6.52	12.24	3.46	6.19	7.33
2	SELASA	20	4.55	5.05	6.29	6.53	12.25	3.47	6.19	7.34
3	RABU	21	4.56	5.06	6.29	6.53	12.25	3.47	6.20	7.34
4	KHAMIS	22	4.56	5.06	6.29	6.54	12.26	3.48	6.20	7.35
5	JUMAAT	23	4.57	5.07	6.30	6.54	12.26	3.48	6.21	7.35

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
33 26 °C	32 26 °C	32 26 °C
Pekan Bangar		
33 26 °C	32 26 °C	33 25 °C
Pekan Tutong		
32 26 °C	31 26 °C	32 25 °C
Kuala Belait		
32 26 °C	31 26 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

30 DISEMBER 2023

Uruskan kewangan dengan bijak

DALAM keadaan ekonomi yang mencabar dan kenaikan harga barang, kita perlu mengambil langkah untuk menguruskan kewangan kita dengan lebih bijak untuk mengelak daripada boros dan juga untuk berjimat cermat.

Antara cara untuk berjimat cermat adalah dengan memberi keutamaan kepada tabung simpanan. Setiap kali kita menerima gaji, kita perlu membiasakan diri untuk menaruh atau menyimpan sebahagian daripada wang pendapatan kita itu dan mengelak daripada menghabiskannya semua. Amalan ini akan dapat membantu kita untuk membina tabung kecemasan yang akan dapat digunakan untuk situasi di luar jangkaan yang mendesak.

Selain itu, kita juga boleh mencatat perbelanjaan bulanan dan kemudian membuat anggaran perbelanjaan bulanan. Dengan cara ini kita akan dapat melihat dengan jelas jumlah wang yang digunakan untuk barang-barang keperluan, yang akan memudahkan kita untuk membahagi wang pendapatan kita agar kita akan dapat menyimpan sebahagian daripadanya ke tabung simpanan.

Dalam kita membiasakan diri untuk berbelanja dengan berhemah, adalah wajar untuk kita membandingkan harga untuk menjadi pembeli yang bijak. Dengan membandingkan harga di beberapa kedai sebelum membuat pembelian ini juga akan membantu kita berjimat cermat. Kita juga boleh menyelidik dan memanfaatkan promosi-promosi barang atau perkhidmatan dan jangan mudah terpengaruh kerana mungkin sahaja promosi yang ada itu sebenarnya akan membuat kita berbelanja lebih atau membeli barang-barang yang tidak perlu.

Kadang-kadang kita mungkin tidak berbelanja begitu banyak apabila pergi ke kedai tetapi tidak sedar akan bahawa aktiviti-aktiviti tertentu yang sebenarnya membuatkan kita berbelanja lebih. Aktiviti-aktiviti yang dimaksudkan adalah seperti aktiviti riadah seperti keluar makan dan minum untuk berjumpa kawan-kawan atau melihat wayang ataupun aktiviti-aktiviti sukan seperti mengikuti kelas senaman dan sebagainya. Mengikuti aktiviti seperti ini tidak menjadi kesalahan, akan tetapi kita perlu tahu berapa banyak duit yang dibelanjakan kepada aktiviti-aktiviti ini dan pada masa yang sama memastikan kita tidak terlalu kerap melakukannya kerana ia boleh menyebabkan kita berbelanja lebih hingga tidak dapat menyimpan.

Ada juga baiknya kita memikirkan aktiviti riadah alternatif yang tidak memerlukan duit. Sebagai contoh, kalau hendak bersukan atau beriadah, kita boleh sahaja pergi ke taman riadah atau kawasan-kawasan seperti pantai dan hutan simpanan yang boleh dikunjungi orang awam untuk beriadah. Tempat-tempat seperti ini selalunya tidak memerlukan kita untuk mengeluarkan wang.

- Ketua Penyuntingan (Nr)

BERANGKAT BERSAMA RAKYAT, PENDUDUK NBD DI UK, IRELAND



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menandatangani Lembaran Kenangan (atas dan kanan).

Siaran Akbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas

LONDON, UNITED KINGDOM, Khamis, 28 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD)

yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dijunjung oleh Pesuruhjaya Tinggi NBD ke UK dan Ireland, Tuan Yang Terutama Laksamana Pertama (B) Pengiran Dato Seri Pahlawan Norazmi bin Pengiran Haji Muhammad dan isteri, Pengiran



Datin Noralam binti Pengiran Haji Kahar; Yang Di-Pertua dan Naib Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut Negara Brunei Darussalam di UK dan Ireland (Brunei Students' Union - BSU), Awang Muhammad Fadzli bin Haji Adi-Putra / Adi Putera dan Dayang Aisyah Farhanah binti Nizam Sumurdani.

Sejurus selepas itu, baginda berdua kemudiannya dijunjung menandatangani Lembaran Kenangan dan berangkat bagi Majlis Santap Minum Petang bersama perwakilan penuntut sebelum menghadiri Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk NBD. Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan

mengurniakan titah.

Terdahulu sebelum itu, majlis dimulakan dengan Lagu Kebangsaan NBD, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran iaitu ayat 127 hingga 134 daripada Surah Al-Baqarah yang disampaikan oleh Awang Mohammad Wajdi bin Haji

Mohammad Ja'afar dari University of Edinburgh, Scotland, manakala inti sarinya dibacakan oleh Awang Muhammad Nabil Syahmi bin Norman dari University of the Highlands and Islands, Perth, Scotland.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berangkat bagi Majlis Santap Minum Petang (kiri). Manakala gambar atas, perwakilan pelajar menyembahkan pesambahan 'Merentasi Sempadan Membina Masa Depan' ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima pesambahan 'Jambangan Jalinan Makmur' yang merupakan jambangan bunga yang digubah daripada kain tenunan tradisional NBD serta sebagai lambang ikatan persahabatan antara NBD, UK dan Ireland.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland yang berlangsung di Royal Lancaster Hotel, London.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dijunjung bagi sesi bergambar ramai (kiri). Manakala gambar bawah, baginda berkenan beramah bawah, baginda berkenan beramah mesra pada majlis berkenaan.

dengan nilai-nilai keagamaan dan membantu penuntut-penuntut menjalani kehidupan di perantauan dengan penuh keimanan bagi mendapat keberkatan dan dimudahkan daripada segala kesulitan demi mencapai kejayaan yang diidamkan.

>> Muka 3

Doa Selamat kemudiannya dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Sementara itu, Yang Di-Pertua BSU dalam sembah alu-aluannya menghuraikan tema majlis iaitu 'Raja Berwibawa Pewaris Beriltizam' yang mencerminkan kepimpinan berwibawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menjadikan rakyat dan penduduk

NBD dapat mengecapi kehidupan yang sejahtera, aman dan harmoni.

Ini meningkatkan iltizam setiap rakyat khususnya penuntut-penuntut NBD - sebagai belia-belia harapan negara - untuk terus bersemangat dan komited dalam merealisasikan Wawasan NBD 2035 tanpa mengabaikan prinsip Melayu Islam Beraja (MIB).

Dalam menjunjung titah Kebawah DYMM semasa Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk NBD di London pada tahun lalu, BSU telah mengadakan kegiatan-kegiatan yang bertujuan untuk merapatkan silaturahim sesama

pelajar, meningkatkan syaksiah, menerapkan identiti kebruneian dan mengamalkan nilai-nilai falsafah MIB.

Kegiatan-kegiatan ini menjadi medan untuk memperoleh kemahiran, membina jati diri, berkongsi pengalaman, idea dan aspirasi, yang mana ia diharap dapat menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan penuntut-penuntut. Persatuan Pelajar Pegawai-pegawai Ugama Brunei (BruROSA) juga giat menjalankan aktiviti-aktiviti keagamaan dalam kalangan penuntut-penuntut seperti Kem Ibadah, Tadarus dan Khatam

Al-Quran.

Aktiviti-aktiviti ini adalah bagi membina pengisian rohani

>> Muka 5



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat bercemar duli bersama rakyat dan penduduk NBD yang sedang berada di UK dan Ireland (atas kiri dan atas kanan). Sementara gambar bawah kanan, persebahanan nasyid bertajuk 'Allahulkafi' oleh gabungan kanak-kanak, remaja dan penuntut-penuntut NBD yang berada di UK.



BACAAN ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Awang Mohammad Wajdi bin Haji Mohammad Ja'afar dari University of Edinburgh, Scotland, manakala inti sarinya dibacakan oleh Awang Muhammad Nabil Syahmi bin Norman dari University of the Highlands and Islands, Perth, Scotland (kiri), manakala gambar tengah, Yang Di-Pertua BSU, Awang Muhammad Fadzli bin Haji Adi-Putra / Adi Putera dalam sembah alu-aluannya.



>> Muka 4

Akhir sekali, Yang Di-Pertua BSU menjunjung kasih kehadapan majlis Kebawah DYMM atas peluang, kemudahan, sokongan dan bantuan yang dihulurkan kepada penuntut-penuntut yang

mengikuti pengajian di UK dan Ireland termasuk kemudahan yang disediakan seperti kemudahan penginapan di Brunei Hall, penjagaan kebajikan dan kesejahteraan yang sentiasa dititikberatkan oleh kerajaan baginda.

Peluang untuk belajar di



KEBAWAH DYMM berkenan berangkat ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk NBD yang berada di UK dan Ireland (kiri sekali dan kiri).

yang memaparkan gabungan dua buah ikon jambatan iaitu Tower Bridge, UK dan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien, NBD sebagai simbol bukti semangat kerjasama dan hubungan mesra yang terjalin antara kedua-dua buah negara.

Manakala pesambah 'Jambangan Jalinan Makmur' disembahkan ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri yang merupakan jambangan bunga yang digubah daripada kain tenunan tradisional NBD serta sebagai lambang ikatan persahabatan antara NBD, UK dan Ireland.

Majlis juga diserikan dengan persembahan nasyid bertajuk 'Allahulkaafi' oleh gabungan kanak-kanak, remaja dan penuntut-penuntut NBD yang berada di UK, yang antara lainnya mendoakan keselamatan dan kesejahteraan Kebawah DYMM.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan beramah mesra pada majlis tersebut.



KEBAWAH DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat bercemar duli bersama kira-kira 1,200 orang rakyat dan penduduk NBD yang sedang berada di UK dan Ireland, terdiri daripada penuntut-penuntut, pegawai-pegawai kerajaan dan mereka yang sedang di dalam percutian (bawah, kiri, kiri sekali dan bawah kiri sekali).



MAJLIS MENYERTU BANGUNAN MASJID BAHARU RPN KAMPUNG MERAGANG



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir sama pada Majlis Menyertu Bangunan Masjid Baharu RPN Kampung Meragang (kiri), manakala gambar kanan, antara yang menyertai majlis berkenaan.

>> Muka 1

Keseluruhan kapasiti Masjid Baharu RPN Kampung Meragang berkenaan boleh menampung

seramai 2,200 jemaah dengan menyediakan beberapa kemudahan seperti tandas untuk Orang Berkeperluan Khas (OBK), Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan, Bilik

Pengurusan Jenazah serta tempat letak kereta untuk OBK.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim; Ketua

Kampung RPN Kampung Meragang Kawasan 1, Awang Madzlan bin Haji Jumat; dan Ketua Kampung RPN Kampung Meragang Kawasan 2, Awang Mohamad bin Haji Tamin.

Manfaatkan teknologi secara bijak

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Disember. - Ledakan teknologi sekarang seakan menjadi pemicu arus kejayaan pemodenan negara. Justeru itu, perkembangan dunia moden ini setentunya memberi impak dari segi kebaikan dan sebaliknya terutama terhadap golongan moden sekarang.

Pelita Brunei berkesempatan menemu bual antaranya Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga selaku Ketua Kampung Putat mengenai trend perkembangan teknologi terkini termasuk kegunaan Artificial Intelligence (AI) dan 5G.

Menurut Yang Berhormat, orang awam lebih senang mendapatkan maklumat terkini dan bermanfaat seperti mendapatkan pertolongan ketika terjadinya kecemasan selain memudahkan dan memajukan kerja (secara am) dengan kewujudan robotics /programs terkini.

Namun demikian tambah Yang Berhormat, terlalu bergantung kepada AI juga menyebabkan para pelajar akan lebih fokus untuk

memahami perkara berkenaan selain arus perkembangan teknologi terkini boleh terjadinya pendedahan sesuatu maklumat yang sulit lagi berharga.

Sementara itu, Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi seterusnya berkata bahawa pada zaman sekarang dalam era globalisasi yang serba maju, seiring dengan kecanggihan teknologi terkini, tidak menjadi satu kemustahilan dan kesukaran bagi seseorang untuk menyebarluaskan sesuatu maklumat untuk disampaikan kepada masyarakat.

Bahkan tanpa disedari tambahnya, kita sekarang ini lebih banyak berinteraksi kepada alam maya yang terkumpul di dalamnya limpahan berita yang diperoleh melalui pelbagai saluran seperti media massa (WhatsApp, Facebook, Instagram, YouTube, TikTok) dan sebagainya.

Menurutnya lagi, ia amat mudah apabila kita ingin mencari sesuatu maklumat, hanya dengan kita

menaip sahaja kata kunci pada enjin carian internet, kemudian setiap perincian maklumat yang diperlukan akan dipamerkan.

"Isunya di sini ialah adakah maklumat yang mudah untuk diperoleh ini, mampu untuk ditapis dan dipastikan kebenarannya? Jika perkhabaran itu merupakan satu kebenaran, maka ia adalah baik bagi yang menerimanya, namun jika ia adalah sebaliknya maka pasti semua itu akan mengundang kepada permusuhan dan perselisihan.

"Teknologi yang kita nikmati pada zaman sekarang ini umpsama sebilah pisau. Apabila betul cara kita menggunakan pisau tersebut maka ia akan mendatangkan manfaat dan kebaikan kepada kita semua. Tetapi, apabila kita salah cara menggunakan terhadap pisau tersebut maka ia akan mendatangkan bahaya pada diri kita dan orang di sekeliling kita," ujarnya lagi.

Awang Mohammad Nasyith seterusnya menjelaskan apabila teknologi zaman sekarang disalahgunakan, ia menyebabkan ia menyebabkan prasangka yang buruk

berlaku dalam kalangan masyarakat serta keadaan masyarakat menjadi kurang tenang.

Dengan sebab berprasangka buruk ini juga terangnya, akan menyebabkan berlaku pengumpatan dan mencera. Melakukan perkara yang diharamkan sehingga tertanam di dalam hatinya perasaan yang buruk terhadap rakan Muslimnya dan menimbulkan permusuhan sesamanya.

"Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya mengetahui kebenaran sesuatu berita atau maklumat yang akan disampaikan. Ia bagi menjaga ikatan persaudaraan sesama Muslim itu satu perkara yang harus dititikberatkan.

"Dalam konsep menerima atau menyampaikan sesuatu berita atau maklumat, untuk memastikan kebenaran dan ketepatan sesuatu berita atau maklumat tersebut, kita mestilah melalui beberapa proses supaya dapat memperhalusi dan meneliti khabar itu," katanya lagi.

Beliau seterusnya menjelaskan beberapa faktor yang patut diambil berat, iaitu kita mestilah berhati-hati di dalam menyampaikan sesuatu maklumat atau berita kepada orang lain di samping memastikan tidak akan berlakunya salah faham dan kesalahan dalam fakta yang boleh menyebabkan terjadinya fitnah.

Selain itu katanya lagi, memastikan ketepatan dan kebenaran berita yang diterima atau yang akan disampaikan, tidak terburu-buru dalam membuat kesimpulan sesuatu berita atau maklumat yang diterima, menanamkan prasangka yang baik dan menjauhi prasangka buruk sesama manusia serta menjaga silaturahim dan tidak memutuskan hubungan

silaturahim antara masyarakat.

Manakala Penghulu Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid pula menyatakan bahawa pelbagai teknologi moden diperkenalkan bagi memudahkan masyarakat untuk sesuatu pengurusan.

Sebagai contoh katanya, dari segi ugama, masyarakat boleh memuat turun doa-doа and ayat-ayat Al-Quran seperti mana di dalam aplikasi yang disarankan.

Dari sudut pembayaran bil elektrik, air, tambah nilai (*top-up*) dan pelbagai lagi bil bayaran tambahnya, pun juga ada disediakan dengan hanya mengisi maklumat yang dipinta.

Awang Raimi seterusnya mengongsikan terdapat kelemahan di dalam perkembangan teknologi ini, seperti terjadinya viral maklumat-maklumat palsu dengan cepat serta kes-kes penipuan seperti mana di dalam laman-laman media sosial.

"Perkembangan teknologi ini adalah baik namun tertakluk kepada setiap individu untuk menggunakanannya. Adalah amat penting bagi diri sendiri untuk menilai sesuatu dalam menggunakan apa-apa teknologi dan keputusan yang dibuat kerana pada masa kini teknologi moden juga digunakan oleh anak-anak kitani seperti untuk melayari YouTube, bermain game menggunakan telefon bimbit dan sebagainya."

"Ini terpulanglah kepada diri kita sendiri untuk mendidik dan mengasuh anak-anak kita dalam perkembangan pada masa sekarang."

"InsyaAllah selagi kita berpegang teguh dalam ajaran Islam Ahli Sunnah Wal Jamaah dan Melayu Islam Beraja (MIB), segala budaya-budaya yang tidak baik akan dapat kita hindari dalam masyarakat kita," ujarnya lagi.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, juga selaku Ketua Kampung Putat; Penghulu Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid dan Pegawai Ugama Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi semasa ditemu bual (kiri, tengah dan kanan).

SYUKUR, TERUJA BERSUA RAJA TERCINTA



AWANG Dullah Sitai dan Salyahrinah Yahya semasa ditemu bual.

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



LONDON, UNITED KINGDOM, Khamis, 28 Disember.

- Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam ke Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD) yang berada di United Kingdom (UK) dan Ireland setentunya menjadi peluang keemasan bagi segenap lapisan rakyat dan penduduk yang berada di sana untuk beramah mesra serta berinteraksi dengan raja yang dikasihi.

Begitulah perasaan yang digambarkan oleh Awang Dullah Sitai dan Salyahrinah Yahya dengan kemerahan dan berkesempatan bersua muka dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda



CALVIN Wong Chin.

YANG Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD di UK dan Ireland (Brunei Students' Union - BSU), Awang Muhammad Fadzli bin Haji Adi-Putra / Adi Putera.

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.

"Menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri kerana memberi kesempatan kepada rakyat dan penduduk NBD yang berada di UK dan Ireland berkumpul dan beramah mesra bersama baginda," tambahnya.

Sementara itu, Yang Di-Pertua Persatuan Penuntut-penuntut NBD di UK dan Ireland (Brunei Students' Union - BSU), Awang Muhammad Fadzli bin Haji Adi-Putra / Adi Putera yang kini menuntut dalam jurusan Environmental Geoscience di University College London turut merakamkan perasaan gembira dan menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas keberangkatan baginda ke majlis tersebut.

Dalam kesempatan ini juga, beliau menjunjung titah Kebawah DYMM pada Majlis Bersama Rakyat pada tahun ini kerana menekankan peluang para penuntut Brunei di UK dan Ireland yang mana bukan sahaja untuk belajar setakat datang ke universiti atau membuat assignments, malahan juga, para penuntut di sini perlu melibatkan diri dengan kegiatan yang lain seperti sukan, ceramah kerjaya dan pengalaman yang tidak dapat ditemui di Brunei.

Dengan ini, para penuntut Brunei boleh menjadi pelajar yang mahir dan serba boleh yang dapat membantu negara dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Naib Yang Di-Pertua BSU di UK dan Ireland, Dayang Aisyah Farhanah binti Nizam Sumurdani yang menuntut di Trinity College Dublin, Republic of Ireland dalam jurusan perubatan menyatakan perasaan



DAYANGKU Noor Amal Shahirah Hazerah binti Pengiran Noor A'malluddin Shah, Dayangku Hajah Syifa' Insyirah binti Pengiran Haji Irman dan Patricia Sim Xiang Ru semasa ditemu bual.

gembira atas keberangkatan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke majlis tersebut.

Tambahnya, majlis ini memberi peluang kepada rakyat dan penduduk di UK dan Ireland berkumpul dan sama-sama mengubat rindu kepada negara tercinta.

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga menjunjung kasih di atas segala kemudahan yang disediakan untuk kami sebagai pelajar-pelajar khasnya, dalam menjayakan acara pada hari ini," jelasnya.

Menurutnya lagi, setelah menamatkan pengajian dan kursus-kursus yang berkaitan, beliau berhasrat untuk pulang semula ke tanah air untuk berkongsi ilmu pengetahuan dan menyumbangkan tenaga untuk negara dan masyarakat Brunei, terutamanya dalam sektor kesihatan dan seterusnya memainkan peranan dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Beliau turut mengongsikan cabaran sebagai seorang pelajar di luar negara yang mana menurutnya, hidup berjauhan dengan keluarga dan tanah air merupakan salah satu cabaran terbesar sepanjang belajar di luar negara, lebih-lebih lagi semasa waktu-waktu tertentu seperti bulan Ramadan dan Hari Raya.

Untuk mengatasi rasa rindu kepada keluarga dan tanah air ini, tambahnya, beliau akan menghubungi mereka yang berada di Brunei atau mengikuti acara-acara yang dianjurkan oleh penuntut-penuntut Brunei di UK dan Ireland.

Perasaan keterujaan itu turut dirasakan oleh Calvin Wong Chin, pelajar tahun tiga dalam jurusan Computer Systems



NAIB Yang Di-Pertua BSU di UK dan Ireland, Dayang Aisyah Farhanah binti Nizam Sumurdani.

kepada tanah air tercinta.

Dayangku Noor Amal Shahirah Hazerah semasa ditemu bual turut mengongsikan, setelah menamatkan pengajian nanti, beliau komited untuk menyumbang kembali kepada negara dengan mengembangkan pengetahuan yang diperoleh di UK.

"Saya bercita-cita untuk memainkan peranan penting dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 untuk membawa perubahan positif yang selaras dengan matlamat dan aspirasi pembangunan negara," tambah beliau.

Begitu juga dirasakan oleh Dayangku Hajah Syifa' Insyirah binti Pengiran Haji Irman, pelajar dalam jurusan Perubatan di University College Dublin yang mana beliau juga rasa bersyukur kerana berpeluang beramah mesra ke hadapan majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan menjunjung kasih atas peluang yang diberikan bagi melanjutkan pengajian di sini.

Beliau berharap selepas menamatkan pengajian di sini nanti, beliau akan menyumbang bakti kepada negara dan merealisasikan impianya untuk menjadi pakar pediatrik yang boleh membantu dalam sistem penjagaan kesihatan negara pada masa hadapan.

Patricia Sim Xiang Ru, pelajar Trinity College Dublin dalam jurusan Perubatan juga tidak ketinggalan meraffakkan rasa syukur dan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas peluang menjunjung ziarah dan beramah mesra bersama rakyat dan penduduk NBD di UK dan Ireland.

Beliau dalam kesempatan ini mengongsikan harapan setelah menamatkan pengajian nanti, beliau akan mencurahkan bakti kepada negara dan menggalakkan generasi muda untuk berkecimpung dalam bidang perubatan di mana negara kita amat memerlukan doktor pakar.

Jangan Memandu ketika mengantuk

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA


Always Wear a seatbelt No mobile phones while driving Speeding is dangerous Do not drive under influence Wear helmet and proper attire while riding Always watch out for other road users Always check tyres

#YOUandME

www.mkkjr.gov.bn

KAWALAN JALAN RAYA KAWASAN BSB BAGI RAPTAI PERARAKAN

Siaran Akbar dan Infografik : Pasukan Polis Diraja Brunei



RAPTAI
3 & 5 JANUARI 2024
JAM 7 MALAM

BEBERAPA batang jalan di ibu negara akan dikawal selia sementara pada 3, 5 dan 6 Januari 2024 ini, bagi Raptai Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja.

Isyarat Jalan Mc Arthur simpang Jalan Pretty; Lampu Isyarat Jalan Masjid SOAS simpang Jalan Elizabeth II dan simpang-simpang keluar dari sepanjang Jalan Stoney.

Sementara pada 6 Januari, Raptai Penuh yang bermula pada jam 8.00 pagi sehingga selesai melibatkan Lampu Isyarat Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Simpang 3 Jalan Telanai; Pusing keliling kecil Jalan Pengiran Babu Raja; simpang-simpang rumah kediaman sepanjang Jalan RIPAS; Lampu Isyarat Jalan RIPAS; Persimpangan 3 Kubah Makam Diraja dihalakan masuk Jalan Pehin Laksamana Abdul Razak.

Turut dikawal selia ialah Lampu Isyarat Jalan RIPAS simpang turun dari belakang Hospital RIPAS; Lampu Isyarat Jalan RIPAS simpang turun dari Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah (dekat mahkamah); Lampu Isyarat Jalan Haji Basir Simpang 4 Jalan Simpang; Lampu Isyarat Jalan Haji Basir Simpang 4 Jalan SOAS (dekat Balai Bomba); Jalan Simpang simpang Jalan Padang; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Dato Taib; Lampu Isyarat Jalan Tasik simpang Jalan Elizabeth II dan simpang-simpang keluar dari sepanjang

Jalan Padang; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Dato Taib; Lampu Isyarat Jalan Tasik simpang Jalan Pehin Dato Isa; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Stoney; Lampu Isyarat Jalan Kianggeh simpang Jalan Bendahara; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Bendahara; Lampu Isyarat Jalan Kianggeh simpang Jalan Elizabeth II; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Elizabeth II; Jalan Kianggeh simpang Jalan Pemancha; Jalan Kianggeh Simpang Jalan Cator; Lampu Isyarat Jalan Kianggeh simpang 4 Jalan SOAS (dekat Balai Bomba); Jalan Simpang simpang Jalan Padang; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Dato Taib; Lampu Isyarat Jalan Tasik simpang Jalan Elizabeth II dan simpang-simpang keluar dari sepanjang


کمترین کسختن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Pengenalan:
Program pemeriksaan kesihatan membolehkan pengesanan dan rawatan awal bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit walaupun awda tidak ada mempunyai sebarang tanda-tanda penyakit tersebut

Penyakit-penyakit tidak berjangkit adalah seperti:

-  Tekanan darah tinggi
-  Kolesterol tinggi
-  Kencing manis
-  Kanser

Terdapat **4** program pemeriksaan kesihatan yang diberikan iaitu:

<p> Pemeriksaan faktor risiko kardiovaskular</p> <p>Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 40 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak mempunyai perjanjian berterusan di pusat kesihatan atau klinik pokok di hospital bagi penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti penyakit tekanan darah tinggi, kencing manis, penyakit jantung dan strok.</p>	<p> Pemeriksaan kanser kolorektal</p> <p>Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 50 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak pernah menghadap kanser kolorektal (usus); dan 3. Tidak menjalani ujian nafis untuk mengesan dorah dalam tempoh 2 tahun kebelakangan; dan 4. Tidak menjalani kolonoskopi dalam tempoh 10 tahun kebelakangan.</p>
<p> Pemeriksaan kanser payudara</p> <p>Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 50 tahun dan ke atas; dan 2. Tidak mempunyai sebarang gejala penyakit payudara; dan 3. Tidak menjalani pemeriksaan mamogram dalam 3 tahun kebelakangan.</p>	<p> Pemeriksaan kanser serviks</p> <p>Terbuka kepada: Warganegara dan penduduk tetap (wanita) Negara Brunei Darussalam yang: 1. Berumur 30 tahun dan ke atas; dan 2. Pernah melakukan hubungan seksual; dan 3. Tidak pernah menghadap kanser serviks; dan 4. Tidak menjalani Ujian Pap (Pap Test) dalam tempoh 3 tahun kebelakangan.</p>

#SihatHasratKu

www.ppkk.gov.bn | health.screening@moh.gov.bn | Talian Darussalam 123



BANDAR SERI BEGAWAN,
Jumaat, 29 Disember. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memaklumkan kepada pengguna jalan raya bahawa beberapa batang jalan di ibu negara akan dikawal selia sementara pada 3, 5 dan 6 Januari 2024 ini, bagi Raptai Perarakan Mengelilingi Bandar Seri Begawan sempena Majlis Istiadat Perkahwinan Diraja.

Pada 3 dan 5 Januari, raptai yang bermula pada jam 7.00 malam sehingga selesai melibatkan Lampu Isyarat Jalan Haji Basir simpang 4 Jalan SOAS (dekat Balai Bomba); Jalan Simpang simpang

Jalan SOAS simpang Jalan Stoney; Lampu Isyarat Jalan Kianggeh simpang Jalan Bendahara; Lampu Isyarat Jalan SOAS Simpang Jalan Bendahara; Lampu Isyarat Jalan Kianggeh simpang Jalan Elizabeth II; Lampu Isyarat Jalan SOAS simpang Jalan Elizabeth II; Jalan Kianggeh simpang Jalan Cator. Jalan Stoney juga dikawal selia.

Orang ramai juga dinasihatkan untuk menggunakan jalan-jalan alternatif lain jika perlu untuk melalui Bandar Seri Begawan seperti Jalan Lebuhraya Hassanal Bolkiah, Jalan Tutong hala Jalan Lama Muara, Jalan Kumbang Pasang hala Jalan Menteri Besar / Jalan Sungai Akar, dan Jalan Gadong.

Sehubungan itu adalah dinasihatkan orang ramai untuk mematuhi dan bertolak ansur kepada arahan pegawai-pegawai Polis Trafik yang bertugas semasa raptai dan Upacara Perarakan mengelilingi Bandar Seri Begawan.

37 pain darah berjaya dikumpulkan



Berita dan Foto : Nur Izzah Razali

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 28 Disember. - Sejumlah 37 pain darah berjaya dikumpulkan

pada Kempen Derma Darah yang berlangsung di Function Room, Block B Level 2, The One, hari ini.

Kempen yang diadakan bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang

tersebut merupakan anjuran Pusat Pendermaan Darah, Perkhidmatan Makmal Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Salah seorang penderma, Angelz

KEMPEN yang diadakan bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang tersebut merupakan anjuran Pusat Pendermaan Darah, Perkhidmatan Makmal Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) (kiri), manakala gambar kanan, salah seorang penderma, Angelz berusia 32 tahun.

berusia 32 tahun semasa ditemu bual bersama media menyatakan bahawa beliau sering menderma darah dan hari ini merupakan kali ke-22 beliau menyertaiinya.

"Dalam satu tahun saya telah menderma sebanyak empat kali iaitu setiap tiga bulan sekali. Bagi saya, menderma bukan sahaja dari segi wang ringgit namun ia juga boleh dari segi menderma darah untuk menolong dan membantu menyelamatkan nyawa orang lain," tambahnya.

Terdahulu, kempen ini juga telah diadakan pada 26 Disember yang lalu dan telah berjaya mengumpul



sebanyak 21 pain darah.

Mendermakan darah merupakan satu amalan mulia dan dapat membina nilai murni dalam diri dan boleh dijadikan sebagai tanggungjawab sosial. Orang ramai dialu-alukan untuk menyertai mana-mana Kempen Derma Darah bagi sama-sama membantu meningkatkan lagi stok bekalan darah di negara ini.

RINGANKAN BEBAN GOLONGAN MEMERLUKAN



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

>> Muka 1

Tabung Anak-Anak Yatim PEKERTI ditubuhkan sejak tahun 2007 dan dana kewangan tabung

diperolehi daripada sumbangan daripada pegawai serta ahli-ahli PPDB sendiri, orang-orang perseorangan dan juga kutipan-kutipan derma tabung dari orang ramai.

PERKUMPULAN Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) semasa mengadakan Majlis Penyampaian Derma bagi perbelanjaan persekolahan anak-anak yatim Pasukan Polis Diraja Brunei.

Tabung tersebut ditubuhkan dengan hasrat murni untuk membantu anak-anak yatim, khususnya anak-anak kepada anggota-anggota PPDB yang telah meninggal dunia, bagi mengenang jasa ibu bapa mereka semasa berkhidmat di dalam pasukan.

Sesuai dengan objektifnya, penyampaian derma kali ini adalah diharatkannya untuk meringankan beban para ibu tunggal atau penjaga anak-anak yatim berkenaan untuk membuat persiapan-persiapan awal bagi musim persekolahan 2024.

Majlis seumpama ini, insyaAllah, akan dijadikan sebagai projek tahunan PEKERTI.

Bersama meningkatkan stok bekalan darah



KEMPEN Menderma Darah yang dikendalikan oleh Tabung Darah Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

10.00 pagi hingga 3.00 petang itu diadakan di hospital berkenaan.

Sebelum menderma darah, para penderma diperiksa dan ditanya beberapa soalan peribadi mengenai kesihatan mereka dan selepas pendermaan darah dijalankan, para penderma dinasihatkan untuk meminum banyak air dan tidak boleh melakukan kerja berat dalam masa 24 jam.

Antara lain kempen tersebut diadakan ialah bertujuan untuk membantu menambah Unit Simpanan Darah Negara Brunei Darussalam dalam memberi khidmat bantuan kepada masyarakat dan pesakit yang memerlukan darah.

Selain itu, ia juga sebagai aktiviti tahunan Hospital PMMPMHAMB dalam membantu mereka yang memerlukan bekalan darah pada saat-saat kecemasan dan bila-bila masa diperlukan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

TUTONG, Rabu, 27 Disember. - Sebanyak lima pain darah berjaya dikumpulkan pada Kempen Menderma Darah yang dikendalikan oleh Tabung

Darah Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), hari ini. Kempen yang bermula dari jam

Fahami cabaran, risiko pengawalseliaan aset maya

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Disember. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), menerusi Unit Perisikan Kewangan (UPK) selaku Urus Setia kepada Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan (NAMLC) telah menganjurkan bengkel mengenai aset maya pada 4 hingga 5 Disember 2023 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang. Bengkel tersebut memberikan

penghuraian mengenai ciri-ciri dan kerumitan aset maya serta langkah pengawalseliaan dan penguatkuasaan yang dikendalikan oleh negara-negara lain terhadap aset maya yang semakin meningkat secara global.

Para hadirin juga memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang cabaran dan risiko berkaitan dengan aset maya dan menilai strategi-strategi berkesan selaras dengan piawaian antarabangsa bagi menubuhkan rangka kerja yang bersesuaian untuk menangani dan mengurangi risiko-risiko

tersebut.

Menurut Financial Action Task Force (FATF), aset maya adalah nilai dalam bentuk digital yang boleh didagangkan, atau dipindahkan secara digital, yang digunakan untuk tujuan pembayaran atau pelaburan, ini termasuk mata wang kripto, security token, utiliti token dan aset-aset lain yang boleh didagangkan atau digunakan melalui teknologi blockchain.

Bengkel ini menunjukkan dedikasi dan komitmen negara dalam melengkapkan pihak-pihak berkepentingan dengan kepakaran yang diperlukan untuk menangani kerumitan penggunaan aset maya

Penggantian meter pintar seluruh negara sedang dilaksanakan

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Disember. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memaklumkan orang ramai bahawa pada masa ini kerja-kerja penggantian meter air di seluruh negara ke meter pintar sedang giat dalam pelaksanaan di bawah projek Unified Smart Metering System (USMS).

Projek ini dikuatkuasakan bermula 2 Oktober 2022 yang dilaksanakan sepenuhnya oleh Syarikat DST Network Sdn. Bhd. (DSTN) dan disokong oleh Jabatan Perkhidmatan Air, JKR, pembekal utiliti air utama di Negara Brunei Darussalam.

Untuk makluman, pemasangan meter pintar ini juga dimandatorikan bagi permohonan bekalan air baharu bagi semua kediaman perumahan tetap dan bangunan-bangunan baharu (komersial dan kerajaan) dan termasuk tambahan meter yang mana pembelian meter pintar tersebut boleh diperoleh daripada Syarikat DSTN.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai pemasangan meter pintar tersebut, sila hubungan TD 123 atau e-mel ke : contact.usms@datastream.bn.

BDCB keluarkan Kenyataan Dasar Kedua Tahun 2023

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Disember. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah mengeluarkan Kenyataan Dasar BDCB Kali Kedua bagi Tahun 2023 hari ini.

Di dalam Kenyataan Dasar 2/2023, BDCB mengongsikan bahawa International Monetary Fund (IMF) menganjurkan pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2023 pada kadar 3.0% dan menurunkan unjuran pertumbuhan bagi tahun 2024 daripada 3.0% kepada 2.9%.

Sementara itu, pertumbuhan ekonomi domestik telah menurun pada kadar 1.1% pada separuh pertama 2023, disebabkan oleh penurunan sebanyak 7.8% tahun-ke-tahun dalam Sektor Minyak dan Gas.

Namun, Sektor Bukan Minyak dan Gas mencatat pertumbuhan sebanyak 5.3% tahun-ke-tahun disumbangkan oleh perkembangan dalam Sektor Pengangkutan Udara, Kewangan dan Pembuatan lain-lain.

Prestasi ekonomi Negara Brunei Darussalam sepanjang tahun 2023 dan 2024 akan tertakluk kepada aktiviti-aktiviti ekonomi domestik, prestasi projek pelaburan langsung asing (FDI) yang sedia ada dan kemajuan pelaksanaan projek FDI baharu.

Pada separuh kedua tahun 2023, beberapa bank pusat telah memberhentikan sementara kenaikan kadar faedah, atau mengekalkan dasar monetary mereka termasuk Monetary Authority of Singapore.

Mengambil kira faktor ini dan juga data Harga Pengguna terkini. BDCB menurunkan unjuran inflasi Negara Brunei Darussalam bagi tahun 2023 kepada lingkungan 0.0% hingga 1.0%.

Kedudukan modal industri perbankan kekal berdaya tahan dan stabil dengan agregat Nisbah Kecukupan Modal (Capital Adequacy Ratio) sebanyak 19.6% pada suku ketiga 2023.

Selain itu, pulangan keuntungan dari industri perbankan juga turut meningkat, didorong oleh persekitaran kadar faedah / keuntungan yang tinggi.

Sektor kewangan secara keseluruhan telah merekodkan penurunan aset sebanyak 5.9% tahun-ke-tahun pada suku ketiga 2023, di mana nilai keseluruhan aset adalah berjumlah BND23.3 bilion dan BND13.3 bilion merupakan aset kewangan Islam.

Institusi-institusi penerima deposit pula menyumbangkan sebanyak 91.7% kepada jumlah keseluruhan aset sektor kewangan dengan nilai aset berjumlah BND21.4 bilion.

Dalam bidang pasaran modal, BDCB telah mengeluarkan Notice on the Commencement of Continuing Professional Development (CPD) Framework dengan tujuan untuk menggalakkan pembangunan Notis dan Garis panduan mengenai Conducting Islamic Investment Business bagi keperluan tambahan dan memberikan panduan mengenali aspek operasi pelaksanaan perniagaan pelaburan Islam.

Kenyataan Dasar BDCB 2/2023 yang lengkap boleh didapati di laman sesawang BDCB di www.bdcb.gov.bn. Bagi maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, orang ramai bolehlah menghubungi BDCB menerusi talian +673 8318388 atau melalui e-mel di info@bdcb.gov.bn.

dalam sektor kewangan.

Pengetahuan yang diperoleh dari bengkel tersebut akan menyumbang kepada pembentukan rangka kerja yang diperlukan untuk mengawal selia aktiviti-aktiviti aset maya. Usaha ini penting bagi mengukuhkan integriti pasaran, melindungi pengguna dan menjaga kesejahteraan orang awam daripada aktiviti penipuan.



BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat dan kasih sayangnya jua, kini kita telah pun berada di penghujung tahun dan akan melangkah ke ambang Tahun Baharu Masihi 2024.

Kita bersyukur kerana di sepanjang

Muhasabah diri menuju Tahun Baharu

tahun 2023 ini, kita dapat menikmati kehidupan yang aman dan makmur di bumi Darussalam yang bertuah ini. Maka untuk itu, marilah kita sama-sama merafakkan doa, semoga nikmat keamanan dan nikmat kemakmuran ini akan dapat pula kita nikmati di tahun 2024. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Pelbagai peristiwa suka-duka, pahit dan manis telah kita tempuh dan hadapi di sepanjang tahun ini. Sebagai orang yang beriman, kita hendaklah meyakini bahawa segala yang berlaku itu merupakan ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala yang perlu dimuhasabah agar kita dapat merancang dan merencana sesuatu yang lebih baik untuk masa akan datang. Perlunya setiap orang yang bermuhasabah, adalah berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hasr, ayat 18 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memerhatikan apa yang telah disediakannya untuk hari esok (hari akhirat) dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan".

Berdasarkan ayat Al-Quran tersebut, kita diingatkan supaya muhasabah

diri mengenai bekalan untuk menuju kebahagiaan hidup di akhirat kelak dan berusaha untuk memperbaiki diri sendiri.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyifatkan bahawa orang yang sentiasa bermuhasabah dan memperbaiki diri itu sebagai orang yang bijak. Daripada Syaddad bin Aus Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Orang yang bijak adalah mereka yang bermuhasabah dirinya sendiri dan beramal untuk kehidupan selepas kematian, sedangkan orang yang lemah ialah orang yang dirinya selalu mengikuti hawa nafsunya dan mengharap-harapkan kemurahan daripada Allah tanpa beramal soleh". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

Kita selaku hamba Allah Subhanahu Wata'ala dituntut untuk bermuhasabah sama ada kita telah menyempurnakan dan menunaikan segala kewajipan yang telah diperintahkan Allah Subhanahu Wata'ala ke atas kita. Ini termasuklah menilai kesungguhan kita dalam mentaati segala perintah dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala seperti mendirikan sembahyang fardu lima waktu, menunaikan zakat, berpuasa, menjauhi perbuatan mungkar seperti curi, riba, rasuah dan seumpamanya.

Di samping itu, kita juga perlu menilai dan memeriksa sama ada kita telah berhasil ataupun sebaliknya dalam menanai dan melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab diri kita sebagai ibu bapa, tanggungjawab sebagai seorang anak, tugas sebagai seorang pelajar, tugas sebagai pekerja, ketua dan seumpamanya.

Setelah muhasabah, jika kita berada pada tahap yang baik, maka ia perlu diteruskan, dipertingkatkan dan ditambah nilai. Manakala jika sebaliknya, apa yang kita dapat daripada hasil muhasabah itu, kita merasakan bahawa masih terdapat kekurangan, kelemahan dan keburukan, maka kita hendaklah melakukan perubahan ke arah kebaikan.

Perlu diingat, bahawa untuk melakukan perubahan itu bukanlah sekadar dengan angan-angan kosong mahupun khilaf semata-mata. Perubahan itu mestilah disusuli dengan tindakan, azam dan usaha yang bersungguh-sungguh.

Akhirnya, bersemepena kita bakal memasuki Tahun Baharu ini, marilah kita bermuhasabah dan menanamkan azam untuk memperbaiki iman kita agar sentiasa melakukan perubahan untuk menjadi Muslim yang lebih bertakwa, lebih patuh dan mentaati segala perintah dan larangan Allah Subhanahu Wata'ala serta penuh bersemangat dan berkeyakinan menggalas semua tanggungjawab dan amanah dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Mudah-mudahan dengan yang demikian, Allah Subhanahu Wata'ala akan melimpahkan rahmat-Nya berupa keteguhan iman, kesihatan, keamanan dan kemakmuran untuk kita semua. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Kemudian apabila engkau telah berazam (untuk berbuat sesuatu sesudah bermesyuarat) maka bertawakkallah kepada Allah (melaksanakannya). Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal". (Surah Ali-Imran, ayat 159)

مقرنلنکن اقليکاسي موده الیہ جابتني فرنگن

Memperkenalkan
**Aplikasi Mudah Alih
Jabatan Penerangan**

InfoDeptBN

- Memudahkan Pengguna Mendapat **Berita Terkini**
- Meningkatkan **Perkongsian Maklumat**
- Pelaksanaan Yang **Cepat Dan Mudah**
- Menjurus Ke Arah **Paperless Dan Green IT**

Gunakanlah Aplikasi Kami!

Dapatkan aplikasi dan muat turun di



'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'



جاتن ڦنزش



JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

**Negara Merdeka
Penuh Berdaulat**

کالینڈر ۲۰۲۴

JANUARI		FEBRUARI		MAC		APRIL		MEI		JUN		JULAI		OGOS		SEPTEMBER		OKTOBER		NOVEMBER		DISEMBER			
Jamadilakhir / Rejab 1445H		Rejab / Syaaban 1445H		Syaaban / Ramadan 1445H		Ramadan / Syawal 1445H		Syawal / Zulkaedah 1445H		Zulkaedah / Zulhijah 1445H		Zulhijah 1445H / Muhamar 1446H		Muhamar / Safar 1446H		Safar / Rabiulawal 1446H		Rabiulawal / Rabiulakhir 1446H		Rabiulakhir / Jamadilawal 1446H		Jamadilawal / Jamadilakhir 1446H			
ISNIN	1 Awal Tahun Masih 19					1	21					1	24			30	26					30	28		
SELASA	2	20				2	22					2	25			1	27					31	29		
RABU	3	21				3	23	1	22			3	26			2	28					2	28		
KHAMIS	4	22	1	20		4	24	2	23			4	27	1	26	3	29					3	29		
JUMAAT	5	23	2	21	1	20	5	25	3	24		5	28	2	27	4	30	1	28			4	30		
SABTU	6	24	3	22	2	21	6	26	4	25	1	(Sebagai ganti Jumaat) 23	6	29	3	28	5	1	2	29	5	1	29		
AHAD	7	25	4	23	3	22	7	Cuti Persekolahan Penggal I	27	5	26	2	24	7 Awal Tahun Hijrah 1446	*1	4	29	1	27	6	2	3	1	1	29
ISNIN	8	26	5	24	4	23	8	Cuti	28	6	27	3	25	8 (Sebagai ganti Ahad)	2	5	30	2	28	7	3	4	2	2	30
SELASA	9	27	6	25	5	24	9		29	7	28	4	26	9	3	6	1	3	29	8	4	5	3	3	1
RABU	10	28	7	26	6	25	10	Hari Raya Aidilfitri *1	8	29	5	27	10	4	7	2	4	30	9	5	6	4	4	2	
KHAMIS	11	29	8 Israk dan Mikraj	27	7	26	11	Hari Raya Aidilfitri *2	9	30	6	28	11	5	8	3	5	1	10	6	7	5	5	3	
JUMAAT	12	30	9	28	8	27	12	Hari Raya Aidilfitri *3	10	1	7	29	12	6	9	4	6	2	11	7	8	6	6	4	
SABTU	13	1	10 Tahun Baharu Cina	29	9	28	13	(Sebagai ganti Jumaat) *4	11	2	8	1	13	7	10	5	7	3	12	8	9	7	7	5	
AHAD	14	2	11	1	10	29	14		5	12	3	9	2	14	8	11	6	8	4	13	9	10	8	8	6
ISNIN	15	3	12	2	11	30	15		6	13	4	10	3	15 Ulang Tahun Hari Keputeran Kebawah DYMM Ke-78	9	12	7	9	5	14	10	11	9	9	7
SELASA	16	4	13	3	12	Awal Ramadan *1	16		7	14	5	11	4	16	10	13	8	10	6	15	11	12	10	10	8
RABU	17	5	14	4	13	2	17		8	15	6	12	5	17	11	14 Cuti Persekolahan Penggal II	9	11	7	16	12	13	11	11	9
KHAMIS	18	6	15	5	14	3	18		9	16	7	13	6	18	12	15	10	12	8	17	13	14	12	12	10
JUMAAT	19	7	16	6	15	4	19		10	17	8	14	7	19	13	16	11	13	9	18	14	15	13	13	11
SABTU	20	8	17	7	16	5	20		11	18	9	15	8	20	14	17	12	14	10	19	15	16	14	14	12
AHAD	21	9	18	8	17	6	21		12	19	10	16	9	21	15	18	13	15	11	20	16	17	15	15	Cuti Persekolahan Penggal III
ISNIN	22	10	19	9	18	7	22		13	20	11	17	10	22	16	19	14	14 Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam	12	21	17	18	16	16	14
SELASA	23	11	20	10	19	8	23		14	21	12	18	11	23	17	20	15	17	13	22	18	19	17	17	15
RABU	24	12	21	11	20	9	24		15	22	13	19	12	24	18	21	16	18	14	23	19	20	18	18	16
KHAMIS	25	13	22	12	21	10	25		16	23	14	20	13	25	19	22	17	19	15	24	20	21	19	19	17
JUMAAT	26	14	23 Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40	13	22	11	26		17	24	15	21	14	26	20	23	18	20	16	25	21	22	20	20	18
SABTU	27	15	24 (Sebagai ganti Jumaat) 14	23	12	27	18		25	16	22	15	27	21	24	19	21	17	26	22	23	21	21	19	
AHAD	28	16	25	15	24	13	28		19	26	17	23	16	28	22	25	20	22	18	27	23	24	22	22	20
ISNIN	29	17	26	16	25	14	29		20	27	18	24	17	29	23	26	21	23	19	28	24	25	23	23	21
SELASA	30	18	27	17	26	15	30		21	28	19	25	18	30	24	27	22	24	20	29	25	26	24	24	22
RABU	31	19	28	18	27	16	29		20	26	19	26	19	31	25	28	23	25	21	30	26	27	25	25	Hari Krismas 23
KHAMIS		29	19	28	17	28 Memperingati Nuzul Al-Quran	17		30	21	27	20	29	24	26	22	26	22	31	27	28	26	26	24	
JUMAAT				29	18	29	18		31	28	21	28	21	30	25	27	23	23	30	25	27	27	27	25	
SABTU				30	19	30	19		29	22	22	29	22	31	26	28	24	24	30	28	28	28	26		
AHAD				31	20	31	20		30	23	23	29	23	30	25	29	25	25	29	25	25	25	27		

Rujukan: Jabatan Perdana Menteri | Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan | Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Usgama | Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan | **Jawatankuasa Editorial:** Siti Bismi Nurulnuraini binti Haji Awang Emzah | Sastra Sanini binti Haji Julaini | Hajah Hamzah binti Datu Kerna Haji Jaya | Haji Fath Foad bin Datu Setia Haji Abu Bakar | Ali Terimizi bin Ramli/Haji Ramli | Musa bin Mohidin | Ruhai Alami Faridah binti Awang Yahya | Noriah binti Haji Abdul Hamid | Mohammad Rainie bin Haji Durani | Muhd. Khairulhan bin Haji Muhd. Muhtadin | Hajah Rosidah binti Ismail | Ezawati Hanim binti Abdullah @ Dk. Nasibahanim binti Haji Bakar | Mohamad Azmi bin Awang Damit | Saadiatul Nur Agilah binti Haji Jaman | Muhdadah binti Abdul Hakim | Haji Khairulanwar bin Haji Ibrahim Hasanal Hidayat bin Haji Abu Bakar | Delta Majdina binti Datu Setia Haji Lamit | Iz Zahra bin Haji Adi Olhman | Nurhamizah binti Awang Haji Rosian | Siti Imasudah @ Salina binti Matali | **Jawatankuasa Perisian:** Nor Hanizah binti Haji Abd Halim | Zawiyatun N'mah binti Mohamad Akhir | Hajar Siti Muttilah binti Haji Salehi | Syikirah binti Matusin | Nor Zuriana binti Haji Azman/Malar | Nurul Hazwani Abu Omar | Noraisah binit Muhammed | Hajah Nurziana binti Mohd. Irwan | Siti Faizahanishah binti Awang Mahani | Nurul Halimatul Syahadah binti Hasnai | **Grafik & Reka Letak:** Khairul Shahrim bin Haji Abdul Ghafor | Mohammad bin Kahar | Mohammad Arby bin Haji A.M. Soehine | Muhammad Abdul Malek Ridwan bin Haji A. Hamid | **Sumber Foto:** Unit Foto, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



InfoDeptBN



 [infodept.bn](https://www.instagram.com/infodept.bn/)  [info](https://twitter.com/infodept.bn)
 [Pelita Brunei](https://www.instagram.com/pelita_brunei/)  [pel](https://twitter.com/pelita_brunei)



- Cuti Awam
- Cuti-Cuti Penggal Persekolahan
- * Tertakluk Kepada Perubahan

Panggilan AMBULANS POLIS BOMBA MENCARI & Kecemasan 991 993 995 998 MENYELAMAT

**JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
PJB / T / 09 / TK2023-2024

Tawaran Bagi Penyewaan Meja Insurans (Kaunter) Dan Penempatan Risalah-Risalah Insurans Di Dalam Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Buruh Bagi Tempoh Selama 2 Tahun (24 Bulan).

Yuran Tawaran:
BND5.00
(tidak akan dikembalikan)

Tarikh Tutup:
9 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang.



**KEMENTERIAN
PERTAHANAN**

Pemberitahuan Tawaran

Rujukan Dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / RC / 152(6)
The Leasing Of Photocopiers - Five (5) Years Contract

Tarikh Mula Tawaran :
27 Disember 2023,
2.00 Petang.

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah tiga minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 6 Februari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 Februari 2024,



2.00 Petang.
Tarikh Information Day :
12 Februari 2024
Tertakluk kepada perubahan

**JABATAN DAERAH BELAIT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran :
JDB / BKPD / SH / 13 / 2023

Tajuk Tawaran :
Painting Works VVIP Rooms and Living Rooms At Dewan Santap, Jalan Maulana Kuala Belait.

Yuran Tawaran :
BND5.00

Kelas :
01 dan 02



Kategori :
KA01 dan B01
Tarikh Tutup :
9 Januari 2024
(Selasa)

Khamis,
4 Januari 2024.



Pembekalan Dan Penghantaran
Bahan Latihan Bagi Program Jangka Pendek Dan Jangka Panjang Kursus ITQ Level 1 For IT User Sesi 2024 / 2025, Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam.

Bilangan Sebut Harga :
11 / 2023 / KKBS / PPB / 16 (R)

Yuran Sebut Harga :
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Tidak lewat jam 2.00 Petang,



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 172 / 2023

Baiduri Finance Berhad (previously filed by HSBC Finance (B) Berhad) - Pembiutang Penghakiman / Pemetsiyen

Mohammad Hairul bin Haji Ahmad (00-282002) - Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-
a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 7 Oktober 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Mohammad Hairul bin Haji Ahmad
No 41, Simpang 15, Jalan Nenas Sanggul, Kampung Katok B, Kampung Mata-Mata Gadong, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
30 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 15 Januari 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Manfaatkan sipiutang-sipiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
23 Oktober 2023

Kes No.
BCY / CP / 204 / 2023

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (previously filed by HSBC Finance (B) Berhad) - Pembiutang Penghakiman / Pemetsiyen

Romzi bin Haji Abdullah (00-118193) - Penghutang Penghakiman /

Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :-
a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 14 Oktober 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Romzi bin Haji Abdullah
No 14, Simpang 76, Jalan 82, Kampung Perpindahan Rimba, BE3319, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen :
30 September 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
23 Oktober 2023

Notis Kepada Pembiutang untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 14 Oktober 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pembiutang-pembiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 15 Januari 2024, jam 9.30 Pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 15 Januari 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Manfaatkan sipiutang-sipiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
23 Oktober 2023

Kes No.
BCY / CP / 204 / 2023

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (previously filed by HSBC Finance (B) Berhad) - Pembiutang Penghakiman / Pemetsiyen

Romzi bin Haji Abdullah (00-118193) - Penghutang Penghakiman /

di perjumpaan ini mestilah diserasi-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 15 Januari 2024, jam 9.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Manfaatkan pihak pembiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyatakan penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
23 Oktober 2023

Kes No.
BCY / CP / 202 / 2010

Standard Chartered Bank - Pembiutang / Pemetsiyen

Tiara binti Haji Osman (00-120607) - Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 30 Oktober 2010 telah dibatalkan pada 28 Oktober 2023.

Nama Penghutang :
Tiara binti Haji Osman

Alamat Penghutang :
No 16, Simpang 10-26-12, Jalan Sadaman Barat, STKRJ Tanah Jambu, BU1129, Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
31 Oktober 2023

Kes No.
BCY / CP / 553 / 2010

Baiduri Finance Berhad (previously filed by HSBC Finance (B) Berhad) - Pembiutang / Pemetsiyen

Muhd Hilipin bin Abdullah KIAU (00-256075)
- Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 4 Ogos 2011 telah dibatalkan pada 26 Oktober 2023.

Nama Penghutang :
Muhd Hilipin bin Abdullah KIAU

Alamat Penghutang :
No 7, Simpang 1044, Kampung Kiudang Tutong, TE1443, Negara Brunei Darussalam

Bertarikh :
31 Oktober 2023

Nuuror-Raheebah binti Haji Abd Wahab Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Pegawai Penerima Rasmi Mahkamah Besar

**JABATAN PERANCANG
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN
KEWANGAN DAN
EKONOMI**

Makluman Iklan Lanjutan

Tajuk Sebut Harga :
Permohonan Bagi Pemeliharaan Kenderaan Kerajaan BG966 (Hyundai H1)

Bilangan Sebut Harga :
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM

Tarikh Tutup Sebut Harga Dilanjutkan
Sehingga :
Rabu,
3 Januari 2024.

MUHASABAH DIRI MENUJU TAHUN BARU

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 16 Jamadilakhir 1445H/29 Disember 2023M

MUHASABAH

Kita selaku hamba Allah SWT dituntut untuk bermuhasabah sama ada kita telah:

- Menyempurnakan dan menunaikan segala kewajiban yang telah diperintahkan Allah SWT ke atas kita, termasuk:

Menilai kesungguhan dalam mentaati segala perintah dan laranganNya

- Berhasil ataupun sebaliknya dalam menaui dan melaksanakan tugas, peranan dan tanggungjawab diri kita sebagai:



Ibubapa



Anak



Pelajar
dan sebagainya



Pekerja



Ketua

SETELAH MUHASABAH...



Jika di tahap yang baik:

- Diteruskan
- Dipertingkatkan
- Ditambah nilai



Jika masih terdapat kekurangan, kelemahan dan keburukan

Lakukan perubahan ke arah kebaikan

Perubahan itu mestilah disusuli dengan:

- Tindakan,
- Azam dan usaha yang bersungguh-sungguh

APA YANG BOLEH KITA BUAT?

Muhasabah dan tanamkan azam untuk perbaiki iman kita agar sentiasa melakukan perubahan untuk menjadi Muslim yang lebih bertaqwa, lebih patuh dan mentaati segala perintah dan menjauhi laranganNya

Penuh bersemangat dan berkeyakinan menggalas semua tanggungjawab dan amanah dalam kehidupan berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara

جوالن سالينان كمبر ۲ ديكنيتل

JUALAN SALINAN GAMBAR-GAMBAR DIGITAL



HARGA JUALAN

Penjualan harga bagi satu gambar digital adalah BND20.

Penjualan cd sekeping adalah BND1. Penjualan satu gambar digital dan satu keping cd adalah BND21.

(Gambar-gambar yang hanya melibatkan ahli kerabat Diraja tidak akan dijual).

TEMPAT MENERIMA TEMPAHAN GAMBAR/ MENERIMA BAYARAN

Kaunter Unit Fotografi bagi menerima tempahan gambar dan tempat menerima pembayaran Kaunter Unit Kewangan, Jabatan Penerangan.

JENIS-JENIS

Penjualan salinan gambar-gambar digital yang terdapat dalam **Iaman galeri Infofoto (www.infofoto.gov.bn)**

dan juga gambar-gambar yang terdapat dalam simpanan jabatan yang diambil oleh warga Jabatan Penerangan.

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

GAMBAR BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT FOTO, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

WAKTU PERNIAGAAN


Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg
Sabtu
8.00 Pagi – 11.00 Pagi



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

PEKA, WASPADA DENGAN ANCAMAN SIBER

■ Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Disember. - Internet memainkan peranan yang sangat penting untuk memenuhi keperluan kita sehari-hari.

Kini, kita berada dalam zaman digital yang memberi banyak perubahan ketara dalam kehidupan umum seperti pembelajaran secara dalam talian, panggilan video, penggunaan aplikasi, pesanan dalam talian dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa kebergantungan dunia terhadap teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) adalah terlalu tinggi.

Dalam meningkatnya kadar pertumbuhan teknologi yang serba canggih pada masa kini, keselamatan siber juga harus diambil kira kerana ia bersifat dinamik dan boleh dieksloitasi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dari semasa ke semasa.

Jumlah penggunaan internet semakin tinggi dan secara tidak

langsung memberi peluang kepada kes jenayah siber semakin meningkat dan berleluasa dengan menggunakan pelbagai cara dan taktik untuk mencari mangsa penipuan dalam talian.

Faktor kurangnya kefahaman mengenai keselamatan siber dalam penggunaan internet adalah salah satu penyebab ramai yang menjadi mangsa penipuan atau jenayah siber.

Antara kes penipuan dalam talian yang sering berlaku adalah penipuan pelaburan atau skim cepat kaya dengan penawaran pelaburan dengan pulangan yang tinggi tanpa mengikuti piawaian sistem pelaburan yang sepatutnya; memenangi wang pertandingan; penipuan cinta (*love scam*), penipuan penjualan dalam talian dan sebagainya.


Sebagai pengguna, kita semua terdedah dengan risiko penipuan berkenaan jika tidak berhati-hati dan berwaspada.

dan berwaspada.

Justeru itu, antara langkah berjaga-jaga yang perlu diambil perhatian adalah untuk tidak memberi maklumat peribadi kepada orang yang tidak dikenali; jangan terlalu percaya promosi yang terlalu bagus untuk menjadi kenyataan; tetapkan profil media sosial kepada *private*; dan jangan klik pautan atau *link* yang mencurigakan.

Oleh itu, kita juga perlu memainkan peranan untuk sentiasa meningkatkan kesedaran keselamatan tentang ancaman jenayah siber dan keselamatan maklumat untuk mengelakkan kita menjadi mangsa penipuan dalam talian.


SEBAGAI pengguna, kita semua terdedah dengan risiko penipuan berkenaan jika tidak berhati-hati dan berwaspada.



Pembayaran tanpa tunai jadi pilihan ramai



PEMBAYARAN tanpa tunai menjadi antara pilihan sebilangan besar masyarakat pada hari ini apabila ia dikatakan lebih baik dan selamat untuk digunakan dalam segala urusan harian serta perniagaan (kiri dan kanan).



TANAH JAMBU, Rabu, 27 Disember. - Pembayaran tanpa tunai menjadi antara pilihan sebilangan besar masyarakat pada hari ini apabila ia dikatakan lebih baik dan selamat untuk digunakan dalam segala urusan harian serta perniagaan.

Pada zaman ini menggunakan wang tunai atau penggunaan kad debit atau kad kredit untuk perbelanjaan perlu diawasi jika berada di dalam kecemasan.

Boleh dilihat menggunakan tanpa tunai ternyata memberikan banyak faedah dan lebih memudahkan dan akan ada wujud risiko sekiranya berbelanja lebih daripada apa yang kita miliki.

Antara risiko lain adalah kecurian identiti, perangkap e-mel, penipuan dalam talian dan penggodaman akaun, kesemua ini sudah pasti meningkat di alam digitalisasi dan perlu sentiasa berhati-hati.

Individu dan orang ramai perlu lebih berdisiplin mengawal perbelanjaan terutama ketika transaksi tanpa tunai bagi memastikan pengurusan berjalan dengan lancar.

Pelita Brunei sempat menemu bual salah seorang pengguna kad debit, Awang Mohammad Ishak bin

Haji Mohd. Salleh dari Kampung Tanah Jambu di mana beliau menjelaskan bahawa menggunakan wang tunai boleh diterima di mana-mana dan perkara yang baik sekiranya berlaku kecemasan. Wang tunai ini juga sangat baik untuk mengehadkan perbelanjaan.

Menurutnya lagi, kad debit dapat memudahkan kita ketika membayar pembelian sehari-hari atau bahan makanan yang banyak.

Ketika kita berjimat untuk membeli sesuatu jelasnya, gunakan kad debit dan bukan kad kredit kerana ia amat bahaya dan menggalakkan untuk berhutang.

Kad ATM atau kad debit juga adalah pilihan terbaik berbanding kad kredit. Pengurusan kewangan lebih senang dengan menggunakan kad debit kerana kita boleh berbelanja mengikut kemampuan sahaja.

Katanya, dia tidak mengetepikan pembayaran secara tunai, namun memilih untuk melakukan pembayaran tanpa tunai kerana lebih mudah serta mampu mengelakkan daripada berlakunya penipuan.

"Saya pengguna dua-dua kaedah tetapi saya lebih memilih tanpa

tunai kerana senang menggunakan kad sahaja, kalau tunai kita terpaksa pergi ke ATM jika ingin menggunakan wang tunai. Buat masa sekarang, saya terima dua-dua jenis pembayaran, namun lagi selamat pembayaran tanpa tunai.

"Bagi pendapat saya pembayaran secara dalam talian ini selain

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

selamat, ia juga mengurangkan isteri berniaga kecil-kecilan dan amat memeringankan keselamatan," jelasnya lagi.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Memupuk Semangat Kesukarelawanan'. Tarikh Tutup : 3 Januari 2024
- 'Meningkatkan Kecemerlangan Dalam Pendidikan'. Tarikh Tutup : 10 Januari 2024
- 'Azam Tahun Baharu, perlu dicapai'. Tarikh Tutup : 17 Januari 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langku dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Oleh : Meja Rencana,
Seksyen Kandungan Khas,
Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

SIRI KETIGA

Pembukaan laluan ekonomi, kukuhkan hubungan NBD - China

MUARA, Sabtu, 8 Julai. - Syarikat Pelabuhan Muara Sdn. Bhd. (MPC) hari ini melakar sejarah dengan Perasmian Maiden Vessel Call Pertama dari Pelabuhan Muara, Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Pelabuhan Teluk Beibu China.

Pelayaran kapal kontena tersebut menandakan pembukaan laluan ekonomi baharu bagi mengukuhkan lagi hubungan antara NBD dan China. Pengenalan laluan perkapalan baharu itu akan menyumbang manfaat ekonomi yang bermakna bagi kedua-dua negara yang selaras dengan aspirasi inisiatif Koridor Ekonomi Brunei-Guangxi.

Keberangkatan Kebawah DYMM serikan Kejohanan Polo Amal

JERUDONG, Ahad, 9 Julai. - Kejohanan Polo Amal yang dianjurkan oleh Pasukan Polo Brunei dengan kerjasama Persatuan Polo Diraja Brunei dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club. Kejohanan Polo tersebut diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pelaksanaan Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) pada 15 Julai 2023, untuk mengantikan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP).

Semasa bertitah pada Istiadat Mengadap dan Mengurniakan Bintang-bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda yang Ke-77 yang di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman, di sini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berharap semua pekerja, sama ada dalam sektor formal dan tidak formal untuk sama-sama membuat caruman SPK.

Memastikan pengurusan zakat lebih efektif, efisien

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah memperkenankan penaiktarafan Bahagian Kutipan dan Agihan Zakat, Jabatan Majlis Ugama Islam menjadi Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Baginda bertitah demikian pada Titah Perutusan sempena Tahun Baharu Hijrah 1445.

Jabatan ini dengan rasminya akan beroperasi pada Rabu, 1 Muharam 1445 Hijrah bersamaan 19 Julai 2023 Masihi. Dengan tertubuhnya jabatan ini, hal ehwal pengurusan zakat dari sudut pengagihan dan keberkesanan, termasuk pelaksanaan

program-program lain, dijangka akan lebih efektif dan efisien.

Perasmian Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal

BERAKAS, Rabu, 19 Julai. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pelaksanaan Skim Persaraan Kebangsaan (SPK) pada 15 Julai 2023, untuk mengantikan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP).

Majlis perasmian jabatan berkenaan disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam.

Ghanim lancar minyak masak sayuran tempatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 31 Julai. - Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. melancarkan minyak masak sayuran yang pertama dihasilkan di Negara Brunei Darussalam di bawah jenama bruneihalalfoods.

Pelancaran tersebut menandakan peristiwa penting bagi Ghanim International dengan penambahan komoditi penting kepada portfolio bruneihalalfoods yang mencerminkan usaha negara dalam memperkuh keselamatan makanan.

Berangkat tiba di Kuala Lumpur, Malaysia

KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Khamis, 3 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat tiba di Kuala Lumpur, Malaysia bagi Keberangkatan Negara dan menghadiri Perundingan Tahunan Ketua-ketua Kerajaan Kali Ke-24, di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah berbincang mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Sejurus selepas Majlis Perjumpaan berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia bersama Perdana Menteri Malaysia menyaksikan Majlis Pertukaran Dokumen bagi satu Triti dan dua Memorandum Persefahaman di antara Kerajaan Kebawah DYMM dengan Kerajaan Malaysia iaitu Treaty of the International Transfer of Prisoners, Memorandum of Understanding (MoU) in the Field of Youth and Sports dan MoU on Cooperation in the Areas of Syariah Judiciary.

Poni Group terima anugerah

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Ogos. - Poni Group menjadi syarikat pertama dan satu-satunya dari Negara Brunei Darussalam (NBD) yang telah memenangi Anugerah Des Prix Infinitus Media Leadership Excellence Awards (LEA) 2022 / 2023, baru-baru ini yang berlangsung di Pusat Konvensyen HGH Sentul, Kuala Lumpur.

Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan PONI, Awang Mohd. Tahsin Wong Abdullah merupakan penerima anugerah di bawah Kategori Emerging Leader of The Year dan telah membawa bendera NBD ke arena global pada majlis anugerah berprestij tersebut.

Rentetan Peristiwa Sepanjang Tahun 2023



KUALA LUMPUR, MALAYSIA, Khamis, 3 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan



>> Muka 19

UNISSA tersenarai dalam THE Impact Rankings 2023

GADONG, Ahad, 13 Ogos. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah melakar sejarah apabila berjaya tersenarai dalam Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2023. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh pihak THE, sebanyak 1,705 buah universiti telah menyertai penarafan tersebut dan hanya 1,591 buah universiti yang berjaya tersenarai dalam edisi kelima tersebut. Sejak 2019, THE Impact Rankings merupakan satu-satunya penarafan pada peringkat global yang mengukur prestasi universiti mengikut 17 Matlamat Pembangunan Mampan atau lebih dikenali sebagai Sustainable Development Goal (SDG) yang disasarkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ke arah membina masa depan yang mampan menjelang 2030.

Dalam edisi kelima ini, UNISSA juga merupakan institusi pengajian tinggi pertama di Negara Brunei Darussalam yang menyertai penarafan tersebut. Dari 17 SDG, UNISSA telah menghantar data bagi 8 SDG. Dalam penyertaan kali pertama tersebut, UNISSA telah berjaya mendapat kedudukan 601-800 teratas bagi SDG 11 (Bandar dan Masyarakat yang Mampan) dan SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi yang Kukuh).

2 sekolah terima anugerah ASEAN Eco-Schools Award

BERAKAS, Isnin, 21 Ogos. - Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof dan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan terpilih sebagai penerima Anugerah ASEAN Eco-Schools Award Kali Keempat bagi Kategori Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang akan diadakan di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao pada 23 Ogos 2023.

ASEAN Eco-Schools Award adalah sebuah program penganugerahan yang diadakan sekali setiap empat tahun yang bertujuan untuk memberikan pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang membudayakan amalan-amalan terbaik dalam program hijau sekolah, dan seterusnya menggalakkan penglibatan sekolah-sekolah lain di seluruh negara untuk menjalankan inisiatif-inisiatif hijau di sekolah masing-masing.

Bunga Simpur miliki pelbagai ciri signifikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 22 Ogos. - Para penyelidik dari Institut Biodiversiti dan Penyelidikan Alam Sekitar (IBER) dan Fakulti Sains, Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersama para penyelidik dari Institut Perubatan Biodiversiti SingHealth Duke-NUS (BD-MED), telah berjaya memetakan genom Bunga Simpur (*Dillenia Suffruticosa*) yang pertama di dunia dan juga merupakan Bunga Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Hasil kajian Bunga Simpur itu telah disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UBD semasa Majlis Konvokesyen UBD Ke-35.

Daerah Temburong.

Berangkat menuunaikan Sembahyang Fardu Jumaat

KIARONG, Jumaat, 8 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku wakil peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menuunaikan Sembahyang Fardu Jumaat di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong.

Berangkat ke Istiadat Pengurniaan Darjah SMJ, DK I

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 12 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Istiadat Pengurniaan Darjah Sultan Ibrahim Johor Yang Amat Disanjungi Pangkat Pertama Dato Sri' Mulia Sultan Ibrahim Johor (SMJ) dan Darjah Kerabat Johor Yang Amat Dihormati Pangkat Pertama (DK I) yang disembahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim ibni Al-Marhum Sultan Iskandar, Sultan Yang Dipertuan Bagi Negeri Johor Darul Ta'zim, hari ini.

DYTM dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Inovasi Teknologi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 14 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB) berkenan mengurniakan Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Inovasi Teknologi kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-11, 2023 yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Platform pupuk ikatan bersama

RIMBA, Jumaat, 15 September. - Eksesais Pacific Angel (EX PACANGEL) 23-3 antara



Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB) dan United States Pacific Air Forces (US PACAF) telah bermula pada 11 hingga 15 September 2023, menandakan satu pencapaian eksesais yang julung kalinya diadakan antara TUDB dan US PACAF di Negara Brunei Darussalam. Pengurus bersama bagi eksesais ini ialah Pegawai Pemerintah, Kawangan No. 1, TUDB, Lettenan Kolonel (U) Muhammad Walee bin Haji Roslie dan Execution Mission Commander, US PACAF, Lettenan Kolonel Eric S. Thorstad.

Terokai potensi kerjasama dalam pelbagai bidang

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 September. - Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caryn Roberta McClelland mengadakan lawatan ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Dalam lawatan berkenaan, kedua-dua pihak menyatakan hasrat untuk meneroka potensi kerjasama dalam bidang antaranya program latihan seperti bengkel-bengkel peningkatan kemahiran di dalam pelbagai aspek seperti pameran, konservasi, pemeliharaan, pengurusan, penyelidikan, penyebaran maklumat, pemasaran dan sebagainya.

Awangku Mohd. Noor Sham raih Sasterawan Muda Mastera

JAKARTA, INDONESIA, Rabu, 20 September. - Awangku Mohd. Noor Sham @Awangku Hidie bin Pengiran Hidup telah meraih penghargaan Sasterawan Muda Mastera dari Mastera Indonesia. Majlis Penyampaian Anugerah telah diadakan hari ini bertempat di Badan Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Jakarta, Indonesia semasa Majlis pembukaan Seminar Antarabangsa Kesusteraan Asia Tenggara (SAKAT) 2023.

SKN terima Anugerah Kecemerlangan Teknologi Asia 2023

THAILAND, Rabu, 20 September. - Dynamik Technologies baru-baru ini mengumumkan bahawa Sistem Kebajikan Negara (SKN) telah menerima Anugerah Kecemerlangan Teknologi Asia 2023 yang berprestij untuk Perisian Perusahaan untuk Kerajaan Negara Brunei Darussalam. Ketua Pegawai Eksekutif Dynamik Technologies, Dayang Haslina binti Haji Mohd. Taib telah menerima anugerah tersebut yang berlangsung di Bangkok, Thailand.

RB terima penarafan 5 bintang APEX

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 September. - Royal Brunei Airlines (RB) telah dianugerahkan oleh Airline Passenger Experience Association (APEX) - Penarafan Lima Bintang bagi Kategori Major Airline. Anugerah tersebut disampaikan kepada pembawa bendera negara baru-baru ini, pada majlis penganugerahan yang diadakan di Long Beach, California, Amerika Syarikat. Menerima anugerah tersebut bagi pihak RB ialah Pemangku Ketua Pegawai Operasi RB, Haji Badarudin bin Haji Bagol.

PLATFORM TERBAIK PAMER KEMAHIRAN SAINS, TEKNOLOGI



■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



PENYERTAAN tiga pelajar Tahun 10 ke The 13th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science yang diadakan pada 17 hingga 23 Disember 2023 di Seoul dan Wilayah Gyeonggi, Republik Korea anjuran ASEAN+3 Center for the Gifted in Science (ACGS) dengan sokongan ASEAN Secretariat (atas dan kiri).

BERAKAS, Rabu, 27 Disember. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Pendidikan Cerdas Pintar dan Berbakat (EDGE) menyelaras penyertaan bagi tiga pelajar Tahun 10 ke The 13th ASEAN+3 Student Camp for the Gifted in Science yang diadakan pada 17 hingga 23 Disember 2023 di Seoul dan Wilayah Gyeonggi, Republik Korea anjuran ASEAN+3 Center for the Gifted in Science (ACGS) dengan sokongan ASEAN Secretariat.

Program berkenaan bertujuan

untuk mengumpulkan para pelajar cerdas pintar dan berbakat dalam bidang sains dan teknologi, memberi peluang untuk bekerjasama dan memperkenalkan kemahiran dalam persekitaran yang mencabar.

Tema program pada kali ini adalah 'Sustainable Science and the Role of Scientists', dengan para pelajar diberi peluang untuk menyertai pelbagai aktiviti dan sesi, antaranya kuliah dan pembentangan berkumpulan secara silang negara berdasarkan kepada pelbagai topik berkaitan.

Selain itu, para pelajar juga turut menyertai National Festival for the Gifted in Science yang dianjurkan oleh Korea Foundation for the Advancement of Science and Creativity (KOFAC) dan disokong oleh Kementerian Sains dan ICT dan Gwacheon National Science Museum.

Semasa program berkenaan, Awang Muhammad Akif Fadli bin Isma-Norfaizal, pelajar Tahun 10 di bawah Skim Biasiswa Menengah Bawah dari International School Brunei (ISB) berjaya mendapat Anugerah Teladan Aktiviti Pra-Perkhemanan (Exemplary Pre-Camp Activities Award) bagi trek Energy Harvesting with Renewable Energy.

Manakala Dayang Nurin binti Idris, pelajar Tahun 10 di bawah Skim Biasiswa Menengah Bawah dari International School Brunei (ISB) berjaya mendapat Anugerah Teladan Aktiviti Pra-Perkhemanan (Exemplary Pre-Camp Activities Award) bagi trek Carbon Dioxide

memenangi pingat emas dalam aktiviti pembentangan berkumpulan secara silang negara dan Anugerah Teladan Aktiviti Pra-Perkhemanan (Exemplary Pre-Camp Activities Award) bagi trek Energy Harvesting with Renewable Energy.

Para pelajar juga menyertai aktiviti pra-perkhemanan di dalam negara dan mereka diberi tugas secara berseorangan dengan membuat penyelidikan berdasarkan kepada trek topik yang berlainan.

Para pelajar mendapat bimbingan daripada para pakar dari Fakulti Sains, Universiti Brunei Darussalam, iaitu Profesor Madya Dr. Lim Lee Hoon; dan Profesor Madya Dr. Piyasiri Ekanayake.

Projek Minda Prihatin alu-alukan sumbangan orang ramai



dijalankan projek berkenaan dengan kerjasama BSPcare dan disokong oleh Jabatan Belia dan Sukan.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Dayang Nurhasya Adlina mengongsikan bahawa sumbangan yang diterima daripada orang ramai berkenaan akan disusun menjadi seumpama kedai dan keluarga-keluarga yang tersenarai nanti akan diberikan sebuah beg untuk diisikan dengan apa sahaja barang yang diperlukan seperti berbelanja tetapi ia adalah secara percuma.

"Pihak kami akan menerima sumbangan daripada orang ramai selama dua hari, iaitu 27 hingga 28 Disember 2023 antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, manakala para keluarga akan menerima sumbangan berkenaan pada 29 hingga 30 Disember, dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang bertempat di Pusat Belia ini," jelasnya.

Menyentuh mengenai tujuan, Dayang Nur Qistina pula menjelaskan bahawa Projek Kedai Komuniti berkenaan adalah satu cara untuk menyumbangkan barang-barang asasi dan juga barang lain seperti pakaian, beg dan peralatan sekolah khusus untuk keluarga-keluarga yang memerlukan. "Seramai 84 keluarga daripada tiga buah mukim, iaitu Mukim Belait; Mukim Seria; dan Mukim Liang yang tersenarai di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) akan menerima

BELAIT, Rabu, 27 Disember. - Projek Minda Prihatin : Kedai Komuniti anjuran Pergerakan Belia MINDA sedang mengumpulkan sumbangan daripada orang ramai bermula 27 Disember hingga

28 Disember 2023 di Pusat Belia, Jalan Bunga Rambai, di sini.

Projek amal inisiatif dua beradik, Dayang Nurhasya Adlina binti Azami dan Dayang Nur Qistina binti Azami selaku Ketua Projek (atas kiri), manakala gambar kiri, sekutu Projek Minda Prihatin : Kedai Komuniti anjuran Pergerakan Belia MINDA.



PROJEK amal inisiatif dua beradik, Dayang Nurhasya Adlina binti Azami dan Dayang Nur Qistina binti Azami selaku Ketua Projek (atas kiri), manakala gambar kiri, sekutu Projek Minda Prihatin : Kedai Komuniti anjuran Pergerakan Belia MINDA.

■ Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

sumbangan berkenaan.

"Harapan kami ialah untuk meringankan beban keluarga-keluarga yang memerlukan dan semoga barang-barang dan makanan yang diterima boleh digunakan dan bermanfaat bagi menghadapi Tahun Baharu 2024

yang akan datang," tambahnya.

Projek berkenaan turut dibantu oleh beberapa orang sukarelawan dari Daerah Belait malahan turut disertai oleh sukarelawan dari Daerah Brunei dan Muara serta para ahli jawatankuasa dan Ahli Pergerakan Belia MINDA sendiri.

Makluman waktu perkhidmatan TAP

■ Siaran Akbar : Tabung Amanah Pekerja

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 27 Disember. - Tabung Amanah Pekerja (TAP) ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada Jumaat, 29 Disember 2023, kesemua cawangan TAP akan beroperasi mulai jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi manakala bagi Pusat Panggilan TAP akan beroperasi dari jam 8.00 pagi hingga 11.45 pagi sahaja.

Pada Sabtu, 30 Disember 2023, perkhidmatan kaunter pembayaran di cawangan Ibu Pejabat TAP Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) akan ditutup bagi memberi laluan kepada Penutupan Akaun Akhir Tahun pihak bank.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan kaunter pertanyaan, pendaftaran dan pengeluaran, perkhidmatan Kiosk e-Info TAP, perkhidmatan dalam talian e-Amanah dan Pusat Panggilan TAP akan terus beroperasi seperti biasa.

Secara alternatifnya, perkhidmatan-perkhidmatan TAP seperti urusan pengeluaran, pendaftaran, dan mendapatkan penyata akaun juga boleh diakses melalui perkhidmatan dalam talian TAP, e-Amanah di www.tap.com.bn bagi ahli yang berdaftar sebagai pengguna portal.

Bagi Ahli Skim Tabungan Perumahan (STP), pembayaran secara dalam talian bagi Disember 2023 perlu dibuat selewat-lewatnya pada 31 Disember 2023.

Kesemua cawangan TAP akan kembali beroperasi seperti biasa pada Selasa, 2 Januari 2024.

Pihak TAP amat menghargai kerjasama yang diberikan dan untuk sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi Pusat Panggilan TAP menerusi talian +673 2722929 semasa waktu bekerja atau melalui e-mel di ask@tap.com.bn.



NEW YORK, 27 Dis. - Setiausaha Agung PBB Antonio Guterres pada

Premis dikendali warga asing, 291 kes diambil tindakan - MBSP

BUKIT MERTAJAM, 27 Dis. - Sebanyak 291 kes melibatkan premis yang disyaki dikendalikan warga asing telah diambil tindakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) di sekitar Seberang Perai, di sini, sepanjang tahun ini.

MBSP dalam kenyataan memaklumkan jumlah itu merupakan hasil pemeriksaan dan siasatan ke atas 208 premis menerusi operasi pengukuasaan yang dilakukan sepanjang tempoh berkenaan.

"Daripada 291 kes yang diambil tindakan, sebanyak 151 kes diberikan notis, 99 dikompaun, lima kes membabitkan tindakan rampasan serta sitaan, manakala 36 kes lagi penutupan premis," menurut kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, anggota penguat kuasa MBSP yang melakukan pemantauan secara berkala di pekan Bukit Mertajam semalam, turut mengesan sebuah premis yang disyaki dikendalikan warga asing.

Menurut MBSP hasil pemeriksaan lanjut mendapati premis itu tidak mematuhi syarat pelesenan yang ditetapkan.

"Sehubungan itu, tindakan tegas telah diambil anggota penguat kuasa dengan mengeluarkan kompaun, selain sitaan premis perniagaan serta-merta kerana melanggar syarat pelesenan MBSP," menurut kenyataan itu.

MBSP juga mengingatkan peniaga di Seberang Perai supaya sentiasa mematuhi peraturan ditetapkan pihak berkuasa dan tindakan pengukuasaan secara berkala akan dilakukan dari semasa ke semasa bagi melindungi pengguna.

Menurut kenyataan itu, sebarang aktiviti perniagaan tanpa kebenaran oleh warga asing adalah tidak dibenarkan dan pemilik lesen premis warga tempatan diingatkan untuk tidak meminjamkan atau menggunakan lesen atas namanya bagi menyokong aktiviti perniagaan berkenaan. - ©BERNAMA

Jentera robot kilang Tesla rosak, serang jurutera di kilang syarikat di Texas - Laporan

MOSCOW, 27 Dis. - Seorang jurutera Tesla luka di tangan kiri akibat diserang oleh jentera robot yang rosak semasa memprogram dua lagi jentera robot kilang Tesla yang gagal berfungsi, lapor Sputnik memetik laporan akhbar Daily Mail dari UK pada Selasa, merujuk kepada laporan kecederaan pada 2021 yang dikemukakan kepada pihak berkuasa Travis County.

Jurutera itu diserang oleh jentera robot yang di program untuk mengangkat dan memindahkan bahagian-bahagian kereta yang baharu diperbuat daripada aluminium di Gigafactory Texas Tesla berdekatan Austin, memaksa dua rakan sekerjanya menutup butang kecemasan setelah melihat kesan darah akibat serangan itu.

Jentera robot itu dilaporkan menekan jurutera itu dan menusuk kuku logamnya ke bahagian belakang dan lengan pekerja itu menyebabkan 'luka dalam', menurut laporan itu.

Akhbar itu memetik Tesla sebagai berkata bahawa jurutera itu tidak memerlukan cuti sakit.

Walaupun Tesla tidak melaporkan kecederaan lain yang berkaitan dengan jentera robot di kilang itu kepada pihak berkuasa, insiden itu mencetuskan kebimbangan mengenai risiko jentera robot automatik di tempat kerja, merujuk kepada peningkatan kecederaan akibat jentera robot di pusat penghantaran Amazon, pembedahan oleh jentera robot, kereta pandu sendiri serta pengajar catur robot.

Pada masa yang sama, laporan itu merujuk kepada Hannah Alexander, seorang peguam bagi Workers Defence Project yang merupakan wakil pekerja kontrak kilang itu yang percaya jumlah kecederaan yang dialami di kilang itu kurang dilaporkan berdasarkan perbualannya dengan pekerja di kilang itu.

Beliau memberi nasihat supaya jangan percaya sangat dengan laporan itu akan penjelasan Tesla itu. - ©BERNAMA

Lelaki 'bungkus' perabot elak dirosakkan banjir

KUALA BERANG, 27 Dis. - Lazimnya, mangsa banjir akan menempatkan harta benda mereka di tempat tinggi bagi mengelakkan rosak dek bencana itu, namun Moh Norddin Ahmad, 60, mempunyai kaedah lain yang lebih kreatif.

Berbekalkan plastik kanvas biru bersaiz 6 kali 6 meter, penduduk di Kampung Bukit Tok Bat itu membungkus kesemua perabotnya yang disusun setinggi hampir 2 meter sebelum membuat ikatan di bahagian atas.

"Ini kali kedua saya guna kaedah ini. Pertama kali dilanda banjir tahun lepas pun saya buat cara

PBB LANTIK BEKAS TPM BELANDA SEBAGAI PENYELARAS KEMANUSIAAN GAZA

Selasa melantik Sigrid Kaag dari Belanda sebagai penyelaras kanan kemanusiaan dan pembinaan semula untuk Gaza.

Kaag akan memudahkan, menyelaras, memantau dan

mengesahkan bantuan ke Semenanjung Gaza selaras dengan resolusi Majlis Keselamatan PBB baru-baru ini.

Beliau juga akan mewujudkan mekanisme PBB untuk mempercepatkan penghantaran bantuan kemanusiaan melalui negara-negara yang tidak terlibat dalam konflik, lapor Xinhua.

Kaag dijangka memulakan tugas pada 8 Jan.

Menurut siaran media yang dikeluarkan oleh pejabat ketua PBB, Kaag mempunyai pengalaman yang luas dalam hal ehwal politik, kemanusiaan dan pembangunan serta diplomasi.

Terbaru, beliau berkhidmat sebagai timbalan perdana menteri pertama dan menteri kewangan wanita pertama dalam Kerajaan Belanda sejak Jan 2022.

Beliau pernah menjawat jawatan menteri perdagangan dan kerjasama pembangunan dari Okt 2017 hingga Mei 2021 dan menteri luar sehingga September tahun yang sama.

Kaag pernah menyandang pelbagai jawatankanan dalam sistem PBB, termasuk berkhidmat sebagai penyelaras khas untuk Lubnan dari 2015 hingga 2017 dan sebagai penyelaras khas Misi Bersama Pertubuhan Larangan

Senjata Kimia dan Misi PBB di Syria dari 2013 hingga 2015. Pada Jumaat, Majlis Keselamatan PBB menerima pakai resolusi 2070 yang antara lain menggesa penghantaran bantuan kemanusiaan segera, selamat dan tanpa halangan terus kepada orang awam Palestin di seluruh Semenanjung Gaza.

Resolusi itu meminta setiausaha agung PBB melantik penyelaras kanan kemanusiaan dan pembinaan semula selain menggesa penubuhan mekanisme PBB dengan segera untuk meningkatkan pengagihan bantuan. - ©BERNAMA

Menteri Luar Zambia letak jawatan selepas dikaitkan dengan ahli perniagaan China

MOSCOW, 27 Dis. - Menteri luar Zambia, Stanley Kakubo meletak jawatan pada Selasa selepas dituduh di media sosial berhubung tuduhan berurusan dengan seorang ahli perniagaan dari China, kata pejabat Presiden Hakainde Hichilema, lapor Sputnik.

"Presiden Hakainde Hichilema telah menerima peletakan jawatan ahli parlimen Stanley Kakubo sebagai menteri luar dan kerjasama antarabangsa.

"Presiden juga mengiktiraf kerja dan kepimpinan Kakubo," menurut kenyataan pejabat presiden yang dilaporkan oleh AFP.

Menurut kenyataan itu, presiden

'meminta' Kakubo 'untuk terus berkhidmat dengan tekun atas kapasitinya sebagai ahli parlimen'.

Laporan itu yang memetik surat peletakan jawatan Kakubo menyatakan beliau meletak jawatan menteri luar berikutkan isu yang sedang tular di media berhubung tuduhan berniat jahat ke atas transaksi perniagaan antara perniagaan peribadi keluarganya dan rakan perniagaan mereka.

Keputusan itu juga untuk memastikan usaha kerajaan dalam mencari penyelesaian memperbaiki kehidupan rakyat tidak terjejas.

Beberapa jam sebelum pengumuman itu, diplomat tinggi

berkenaan tular di media sosial berhubung dakwaan berurusan dengan seorang ahli perniagaan dari China, termasuk video yang menunjukkan dua orang mengira timbunan wang tunai yang disusun di atas meja.

Selain itu terdapat imej nota tulisan tangan yang ditandatangani bertarikh 8 Julai, 2022 yang menyatakan firma perlombongan China dan firma perlombongan Zambia 'melakukan pertukaran US\$100,000'.

Syarikat China terlibat secara besar-besaran dalam industri perlombongan Zambia dengan Beijing merupakan pengimpor utama tembaga Zambia. - ©BERNAMA

Pejabat ahli parlimen LDP digeledah berhubung skandal dana politik

TOKYO, 27 Dis. - Pendakwa raya Jepun pada Rabu menggeledah pejabat seorang ahli parlimen daripada puak terbesar Parti Liberal Demokratik (LDP) di tengah-tengah skandal pengumpulan dana politik, lapor media tempatan.

Ahli parlimen Dewan Perwakilan, Yoshitaka Ikeda disyaki menerima lebih 40 juta yen (kira-kira US\$280,000) dalam tempoh lima tahun hingga 2022.

Ini termasuk dalam had masa di bawah undang-undang kawalan dana politik, lapor Xinhua merujuk laporan Kyodo News yang memetik sumber yang rapat dengan perkara itu.

Puak Abe, Seiaken atau kumpulan kajian dasar Seiwa yang sebelum ini diketuai mendiang Perdana Menteri, Shinzo Abe

didakwa gagal mengisyiharkan ratusan juta yen dalam pendapatan acara kutipan dana politik disyaki mengumpul dana secara rahsia.

Menurut laporan itu pendakwa raya telah menggeledah pejabat puak Abe dan menyiasat anggota utamanya, termasuk bekas Ketua Setiausaha Kabinet Hirokazu Matsuno, secara sukarela.

Pendakwa raya sedang berusaha untuk membuktikan kes terhadap akauntan puak itu, yang mengaku di bawah soal siasat sukarela bahawa beliau tidak melaporkan pendapatan dalam pernyataan dana politik apabila disoal.

Menurut Kyodo News, ahli-ahli parlimen boleh menghadapi tuduhan jenayah jika mereka disyaki bersabahat dengan akauntan itu.

Skandal dana politik yang menyelubungi parti pemerintah utama Jepun itu muncul berikutan aduan jenayah yang mendakwa lima puak LDP tidak mengisyiharkan dengan penuh pendapatan acara-acara kutipan dana politik mereka dengan pendapatan tambahan mungkin telah dikembalikan kepada beberapa ahli parlimen mereka sebagai sogokan.

Menurut laporan media dalam tempoh lima tahun hingga 2022, dana gelap puak Abe disyaki melonjak kepada sekitar 500 juta yen (kira-kira US\$3,500,000), dan berpuluhan-puluhan ahlinya disyaki gagal melaporkan pendapatan dan perbelanjaan berhubung wang terkumpul itu. - ©BERNAMA

sama, bahkan turut membungkus kereta Proton Persona, dan sebuah motosikal.

"Alhamdulillah, kereta dan motosikal itu masih boleh dihidupkan walaupun bungkus itu ditenggelami air," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini.

Kaedah itu nyata mendapat pujian Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Terengganu, Hassan 'As'ari Omar yang turut berada di situ ketika meninjau situasi banjir di kampung berkenaan.

Manakan tidak, bermodalkan

hanya RM90, Moh Nordin boleh dikatakan berjaya mengelakkan nilai kerugian perabotnya dan kenderaannya yang jauh lebih besar dari itu akibat banjir.

Menurut pesara kerajaan yang tinggal di kampung berkenaan sejak 2006 itu, idea itu merupakan hasil perbincangan dengan empat orang anaknya setelah terkandas banjir kali pertama Februari tahun lepas.

"Saya tengok mangsa banjir lain selamatkan perabot mereka dengan meletakkannya di tempat tinggi. Paling tinggi pun atas meja makan. Tapi

air banjir kadang-kadang naik lebih dari itu dan akhirnya barang itu rosak.

"Dengan kaedah membungkus perabot-perabot ini, Insya-Allah selamat, walaupun mungkin ada sikit-sikit yang kembang akibat terendam air tapi masih boleh diselamatkan. Bagaimanapun dengan kaedah ini, kalau air naik lebih dari paras dada saya rasa kaedah ini pun tidak akan berkesan... tapi tak apalah, ini ikhtiar saya. Selebihnya saya serahkan pada Tuhan," katanya.

Kampung Tok Bat di daerah Hulu Terengganu menyaksikan bilangan mangsa seramai 176 daripada 39 keluarga masih berteduh di pusat pemindahan sementara (PPS) setakat 8 pagi tadi, menurut data oleh sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Terengganu.

Bilangan mangsa banjir gelombang ketiga di Terengganu terus meningkat kepada 10,145 orang daripada 2,794 keluarga di kesemua lapan daerah berbanding 9,858 orang pada tengah malam tadi. - ©BERNAMA

SETIAUSAHA AGUNG PBB SERU PERPADUAN SEMPENA TAHUN BAHARU 2024

NEW YORK, 29 Dis. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Antonio Guterres dalam perutusan video sempena tahun baharu menggesa semua pihak merenungi cabaran dan ujian yang dihadapi tahun lalu serta berharap perpaduan yang lebih kukuh untuk tahun hadapan, lapor

Xinhua.

"Tahun 2023 telah menjadi tahun penderitaan, keganasan dan perubahan iklim yang tidak menentu. Manusia menderita dan planet kita diancam bahaya. Tahun 2023 merupakan tahun terpanas yang pernah direkodkan," kata Guterres.

Ketua PBB itu turut menekankan bahawa kemiskinan dan kelaparan masih melanda penduduk dunia manakala konflik dan perpeperangan terus memuncak.

Guterres menyuruh agar tidak saling menyalahkan dan mengelak daripada melakukan kekerasan kerana "menuding jari dan

menggunakan senjata api tidak membawa sebarang faedah."

Beliau berharap 2024 akan menjadi tahun untuk "membina semula kepercayaan dan mengembalikan harapan."

"Kita mesti bersatu tanpa mengira perbezaan untuk penyelesaian bersama, termasuk mengambil tindakan tegas mengenai perubahan iklim, mencipta peluang ekonomi dan mewujudkan sistem kewangan global yang lebih adil yang memberi faedah kepada semua," katanya.

Guterres juga menekankan keperluan untuk memerangi diskriminasi dan kebencian yang telah meregangkan hubungan antara pelbagai negara dan



komuniti.

Ketua PBB itu turut mengesahkan komitmen tidak berbelah bahagi badan dunia berkenaan untuk menghimpunkan masyarakat global demi hak asasi manusia, perdamaian dan pembangunan mamparn.

"Mari kita semua berazam untuk menjadikan 2024 sebagai tahun membina kepercayaan dan melakar harapan agar kita dapat bersama-sama menggapainya. Saya mengucapkan selamat menyambut tahun baharu kepada anda," kata ketua PBB itu. - ©BERNAMA

Pemandu teksi Brussels bantah peperiksaan bahasa Belanda

BRUSSELS, 29 Dis. - Pemandu teksi yang berkhidmat di Lapangan Terbang Brussels akan mengadakan protes pada Jumaat bagi membantah cadangan kerajaan yang mewajibkan mereka lulus peperiksaan bahasa Belanda mulai Julai 2024, Sputnik memerlukan laporan akhbar Belgium, Le Soir.

Pemandu teksi terbabit dengan kerjasama tiga kesatuan akan menangguhkan perkhidmatan

selama dua jam setengah pada Jumaat. Majoriti penduduk Brussels bertutur dalam bahasa Perancis tetapi lapangan terbang itu terletak di wilayah Zaventem dalam sempadan pentadbiran wilayah Flemish yang didominasi oleh penutur berbahasa Belanda.

Pihak berkuasa wilayah terbabit mewajibkan pemandu teksi untuk lulus peperiksaan bahasa Belanda mulai Julai 2024. Mereka berdepan kemungkinan permintaan

bekerja tidak dibaharu jika gagal peperiksaan lisan dan bertulis.

Lebih 70 peratus pemandu teksi bimbang mereka gagal dalam ujian dan akan kehilangan pekerjaan. Pihak berkuasa tempatan percaya bahawa pengetahuan bahasa Belanda adalah penting untuk berurusan dengan pelanggan dan menjadikan perkhidmatan teksi lebih menarik kepada penduduk tempatan. - ©BERNAMA

12 maut, 2 kenderaan bertembung di Madhya Pradesh, India

NEW DELHI, 28 Dis. - Sekurang-kurangnya 12 orang terbunuh apabila sebuah bas penumpang dan sebuah lori bertembung di negeri Madhya Pradesh di tengah India pada Rabu malam.

Seorang pegawai polis semasa ditemui wartawan berkata bas itu terbalik dan terbakar akibat perlanggaran itu. Seramai 16 orang turut cedera dalam nahtas yang berlaku di daerah Guna, kira-kira 180 kilometer (km) dari ibu negeri

Bhopal.

Ketua menteri Madhya Pradesh Mohan Yadav mengarahkan siasatan berhubung kemalangan itu.

Beliau mengarahkan pentadbiran daerah menyediakan 400,000 rupee (RM22,250) kepada keluarga setiap orang yang terkorban dan 50,000 rupee kepada mangsa yang cedera parah.

Beratus ribu orang terbunuh dan

cedera dalam kemalangan jalan raya pada setiap tahun di India, dengan kurangnya kemahiran memandu dan ingkar peraturan lalu lintas menjadi antara punca utama nahtas.

Menurut data rasmi, Madhya Pradesh merekodkan sebanyak 54,432 kemalangan jalan raya pada 2022 dengan 13,427 orang terbunuh manakala 55,168 lagi cedera. - ©BERNAMA

New York Times saman OpenAI, Microsoft kerana pelanggaran hak cipta

NEW YORK, 28 Dis. - Akhbar Amerika Syarikat The New York Times menyaman Microsoft dan OpenAI, syarikat yang membangunkan chatbot kecerdasan buatan (AI) popular ChatGPT, atas dakwaan karya terbitannya untuk latihan AI digunakan tanpa kebenarannya, lapor agensi berita Jerman (dpa).

The Times pada Rabu memfailkan aduan di New York, mendakwa syarikat itu melanggar hak cipta apabila menggunakan hasil karya akhbar itu untuk mencipta produk AI yang kini bersaing denganannya.

"Melalui Bing Chat Microsoft (baru-baru ini dijenamakan semula sebagai 'Copilot') dan OpenAI ChatGPT, defendant memanfaatkan pelaburan besar The Times dalam kewartawanan

dengan menggunakan untuk membangunkan produk pengganti tanpa kebenaran atau bayaran," menurut aduan itu.

"Tindakan saman ini bertujuan untuk memastikan defendant bertanggungjawab atas berbilion-bilion dolar dalam bentuk ganti rugi berkanan dan sebenar kerana menyalin dan penggunaan karya The Times secara tidak sah," menurut dokumen itu.

Sementara itu, laman sesawang berita teknologi The Verge memetik jurucakap OpenAI, Lindsey Held sebagai berkata dalam satu kenyataan melalui e-mel bahawa 'perbualan berterusan dengan The New York Times sangat produktif dan konstruktif, dan kami terkejut dan kecewa

dengan perkembangan ini'. "Kami berharap dapat menemukan cara yang saling menguntungkan untuk bekerjasama, seperti yang kami lakukan dengan banyak penerbit lain," lapor The Verge memetik Held.

OpenAI yang mula beroperasi di California menarik perhatian dunia dengan robot teksnya ChatGPT - yang dibangunkan dengan sokongan Microsoft - boleh memberi jawapan segera dalam pelbagai kandungan seperti esei, puisi serta kod komputer.

ChatGPT beroperasi mulai 2022 dengan memberi tumpuan kepada kemajuan dalam AI, namun mencetuskan perbincangan mengenai kesannya. - ©BERNAMA

Turkiye nasihatkan rakyatnya supaya tidak lawat Sudan

ANKARA, 28 Dis. - Kementerian Luar Turkiye menggesa rakyat negara itu supaya mengelak daripada melawat Sudan kecuali atas sebab mendesak kerana keadaan keselamatan di negara itu semakin merosot, lapor Sputnik.

"Keadaan keselamatan di Sudan semakin merosot. Dalam keadaan semasa yang berpotensi mencetuskan masalah, kami menasihatkan rakyat supaya mengelak daripada melakukan perjalanan ke Sudan melainkan

atas sebab-sebab yang mendesak.

"Rakyat kami yang masih di Sudan perlu terus memantau amaran dan pengumuman yang mungkin dikeluarkan oleh kementerian serta kedutaan kami di Khartoum, dan mengambil langkah perlu untuk memastikan keselamatan diri mereka," menurut kenyataan kementerian itu.

Pada April, pertempuran ganas berlaku antara tentera Sudan dan pasukan separa tentera, Rapid Support Forces (RSF). Sejak

itu, pihak-pihak yang berkonflik telah melaksanakan beberapa gencatan senjata sementara di seluruh negara, namun gagal menyelesaikan konflik.

Pada hujung Oktober, kedua-dua pihak meneruskan rundingan yang diusahakan oleh Arab Saudi, namun permusuhan masih berterusan.

Pada awal Disember, Arab Saudi menangguhkan rundingan bagi tempoh masa yang tidak pasti dengan kedua-dua pihak. - ©BERNAMA

Delhi lapor kes pertama sub-varian COVID-19 JN.1, jangkitan di India meningkat

NEW DELHI, 28 Dis. - Delhi melaporkan kes pertama JN.1, sub-varian COVID-19 pada Rabu di tengah-tengah peningkatan jangkitan virus di negara itu. Di India, varian itu kali pertama dikesan di Kerala pada 8 Dis dalam sampel ujian RT-PCR positif seorang wanita berusia 79 tahun.

Setakat ini sebanyak 110 kes JN.1 dilaporkan di sembilan negeri, termasuk Gujarat, Karnataka, Goa, Maharashtra, Rajasthan, Tamil Nadu dan Telengana.

WHO baru-baru ini berkata strain baharu itu "mungkin menyebabkan peningkatan kes SARS-CoV-2 (sindrom pernafasan akut teruk koronavirus 2) di tengah-tengah lonjakan jangkitan virus dan bakteria lain, terutamanya di negara-negara yang memasuki musim sejuk."

Dengan jangkitan COVID-19 yang semakin meningkat, kemudahan penjagaan kesihatan berprestij Delhi All India Institute of Medical Sciences (AIIMS) pada Rabu menubuhkan unit saringan COVID-19 di bahagian kecemasannya.

India merekodkan 529 kes baharu COVID-19 dalam tempoh 24 jam, menjadikan jumlah kes aktif kepada 4,093 pada pagi Rabu. Sebanyak tiga kematian baharu, dua dari Karnataka dan satu dari Gujarat, dilaporkan dalam tempoh itu. - ©BERNAMA

Mahkamah Agung Michigan kekalkan Trump pada undian utama 2024

CHICAGO, 28 Dis. - Mahkamah Agung Michigan, Amerika Syarikat (AS) pada Rabu menolak rayuan untuk mengeluarkan bekas presiden Donald Trump daripada pengundian negeri untuk pilihan raya 2024 berdasarkan klausula perundangan 14th Amendment, lapor Xinhua.

Mahkamah Tinggi Michigan dalam penghakiman ringkas berkata hakim-hakim 'tidak diyakinkan bahawa persoalan yang dikemukakan harus disemak oleh mahkamah itu'.

Keputusan itu berbeza dengan penghakiman dibuat oleh Mahkamah Agung Colorado pada 19 Disember untuk mengeluarkan nama Trump daripada kertas undi pilihan raya.

Mahkamah rendah di Michigan pada awalnya menolak kes itu. Mahkamah rayuan mengekalkan keputusan itu dan mahkamah tinggi mengekalkan keputusan kedua-dua mahkamah rendah.

Trump yang menyambut baik keputusan mahkamah berkata: "Mahkamah Agung Michigan dengan tegas dan dengan betul menolak usaha Parti Demokrat yang terdesak untuk mengeluarkan calon utama pilihan raya presiden 2024, iaitu saya, daripada kertas undi di negeri Michigan."

Mark Brewer, yang mewakili empat plaintif dalam kes itu dan bekas pengurus Parti Demokrat Michigan berkata anak guamnya akan menyemak semula isu berkenaan jika Trump perlu memenangi pencalonan Republikan.

Pusingan pemilihan awal presiden Michigan akan berlangsung pada 27 Februari.

Kumpulan pemantau liberal memfailkan kes itu bagi pihak pengundi Michigan yang mahu Trump dikeluarkan daripada pemilihan kerana usahanya untuk membatalkan keputusan pilihan raya 2020 dan penglibatannya dalam rusuhan di Capitol pada 6 Januari 2021.

Cabaran yang sama telah difaikkan di beberapa negeri AS dengan kebanyakannya telah ditolak.

Seksyen 3, 14th Amendment melarang sesiapa sahaja yang pernah mengangkat sumpah jawatan daripada memegang jawatan awam jika mereka terlibat dalam pemberontakan terhadap AS.

Sementara itu di Washington, Sputnik melaporkan bahawa Parti Republik Colorado memfailkan rayuan di Mahkamah Agung AS mencabar keputusan Mahkamah Agung Colorado untuk membatalkan kelayakan Trump daripada bertanding dalam pengundian negeri pada pilihan raya akan datang, menurut rekod mahkamah.

Mahkamah Agung Colorado baru-baru ini memutuskan bahawa Trump tidak boleh bertanding pada undian utama Republikan 2024 kerana tindakannya dalam serangan ke atas Capitol pada 6 Januari dengan merujuk kepada 14th Amendment. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



PERSATUAN BOLASEPAK PALESTIN GESA KEMUDAHAN SUKAN PALESTIN DILINDungi

RAMALLAH (Palestin), 28 Dis. - Persatuan Bolasepak Palestin (PFA) menggesa Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa, FIFA, AFC, dan badan-badan lain yang berkaitan supaya mengambil langkah-langkah segera terhadap pencabulan melampau Israel terhadap Stadium Yarmouk di Gaza.

PFA dalam satu kenyataan mengutuk tindakan Israel itu sebagai pelanggaran undang-undang antarabangsa yang jelas dan menggesa campur tangan segera untuk menangani situasi itu.

Gesaan itu dibuat berikutan tindakan tentera Israel menjadikan Stadium Yarmouk sebagai pusat tahanan orang

awam yang ditangkap, di mana mereka diseksa dan disoal siasat di kemudahan berkenaan.

"PFA menyeru untuk melindungi kemudahan-kemudahan sukan Palestin dan mengutuk tindakan Israel terhadap Stadium Yarmouk di Gaza.

"Ia pelanggaran yang jelas dan secara langsung terhadap Piagam Olimpik, serta semua undang-undang dan konvensyen benua dan antarabangsa," menurut kenyataan dari Agensi Berita Palestin (WAFA).

Ia menggambarkan tindakan itu sebagai sebahagian daripada serangan Israel yang lebih meluas terhadap pergerakan belia, sukan, dan pengakap di Palestin yang mengakibatkan lebih seribu anggota pergerakan itu terbunuh, cedera, atau dilaporkan hilang semasa pencerobohan Israel di Semenanjung Gaza.

Stadium Yarmouk, antara stadium tertua Palestin telah menjadi tumpuan utama selepas pencerobohan tentera Israel ke wilayah itu. PFA telah mengutuskan surat-surat segera bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh penggiat sukan di Palestin akibat tindakan tentera pendudukan Israel.

Surat-surat ini telah ditujukan kepada Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa dan semua persekutuan sukan antarabangsa, benua, dan serantau, termasuk Persekutuan Antarabangsa dan Asia, Persekutuan Sukan Solidariti Islam, Kesatuan Persatuan Bolasepak Arab, dan semua persekutuan kebangsaan.

Surat-surat itu juga menyeru agar siasatan antarabangsa dimulakan segera ke atas jenayah Israel terhadap sukan dan atlet di Palestin. - ©BERNAMA

OCBC Cycle Kuala Lumpur 2024, perkenal kembali acara kayuhan kategori kanak-kanak

KUALA LUMPUR, 28 Dis. - Selepas kali terakhir mengadakan acara kayuhan untuk kanak-kanak pada 2011, OCBC Cycle Kuala Lumpur atau popular dengan nama 'The City Ride' sekali lagi tampil memperkenalkan kategori Kids Push Bike dalam edisi ketujuh pengajuran acara itu pada 3 Mac tahun depan.

Pengarah Urusan OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Julius Evanson berkata kategori itu bertujuan untuk memberi peluang kepada kanak-kanak menyertai acara kayuhan berbasikal dengan keselamatan yang terjamin selain menarik lebih ramai peserta dengan jangkaan 3,000 penyertaan tahun depan.

Beliau berkata ia terbuka kepada kanak-kanak berusia tiga hingga tujuh tahun melibatkan perlumbaan sejauh 250 meter (m) dan 200m.

"Sekarang kami telah bersedia untuk menganjurkan kategori kanak-kanak. Pada edisi 2011 kami adakan kategori kanak-kanak tetapi agak sukar untuk mengendalikan golongan kanak-kanak ini berbanding kategori dewasa.

"Jadi pasca pandemik kami mengadakan perbincangan dengan

pengajar, Multi Green Events untuk menganjurkan semula kategori Kids Push Bike," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian OCBC Kuala Lumpur 2024 yang disempurnakan oleh Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Adam Adli Abdul Halim, di sini hari ini.

Beliau berkata seperti pengajuran tahun lepas, sebanyak dua kategori dipertandingkan untuk golongan dewasa iaitu 42km dan 21km, yang terbuka kepada peserta berusia 18 tahun ke atas.

Sementara itu, Adam Adli melihat acara kayuhan berbasikal bukan sahaja mampu menjadi kerangka acara sukan bersifat perlumbaan, tetapi juga sebagai aktiviti penting dalam meningkatkan tahap pembudayaan sukan dan gaya hidup aktif dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Sudah tentu acara seperti Kuala Lumpur OCBC Cycle mempunyai potensi sebagai ruang penyerahan bakat, namun kita muahu acara seperti ini menjadi kesempatan untuk menarik lebih ramai rakyat Malaysia memikirkan tentang kepelbagaiannya peranan aktiviti sukan dalam kehidupan seharian," katanya.

- ©BERNAMA

Olimpik : Pasukan negara akan berusaha capai misi emas sulung di Paris – Hamidin

KUALA LUMPUR, 27 Dis. - Ketua Kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Paris 2024, Datuk Hamidin Mohd Amin memberi jaminan pasukan negara akan berusaha bersungguh-sungguh dalam memastikan misi emas sulung pada temasya sukan berprestij itu tahun depan, tercapai.

Beliau berkata ketika ini, jaguh berbasikal trek, Datuk Mohd Azizulhasni Awang dan beregu lelaki, Aaron Chia-Soh Wooi Yik yang kedua-duanya masih memburu tempat ke Paris, merupakan sandaran terbaik untuk Malaysia memenangi emas.

"Untuk menang emas kena jadi terbaik dunia ... dari segi rekod, Azizulhasni paling hampir, kedua mungkin Aaron-Wooi Yik tapi mereka belum stabil dan harap di Paris mereka capai kemuncak (prestasi).

"Kalau (sekarang) kita ada lima atlet ... memang semua sentiasa masuk final, (dan) peluang kita lebih cerah tetapi kita tetap akan berusaha," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Sambutan Hari Lahir Presiden Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) dan Majlis Doa Selamat Sempena Piala Asia 2023 dan Kelayakan Piala Dunia 2026/Piala Asia 2027 di Wisma FAM di Kelana Jaya semalam.

Setakat ini, lima atlet negara sudah

mengesahkan tiket ke Paris iaitu pemanah recurve Ariana Nur Dania Zairi, Nur Aisyah Mohamad Zubir (berbasikal lebuh raya), Bertrand Rhodict Lises (terjun), Nur Shazrin Mohamad Latif (pelayaran) dan atlet menembak Johnathan Wong.

Lebih ramai atlet negara dijangka meraih tiket ke Paris antaranya Mohd Azizulhasni dan Aaron-Wooi Yik memandangkan fasa kelayakan ke temasya sukan berprestij itu masih terbuka hingga Jun tahun depan.

Dalam pada itu, Hamidin komited untuk membantu kelima-lima atlet yang telah melayakkan diri ke Paris memandangkan mereka tidak berada dalam program Road To Gold (RTG).

"Januari nanti saya akan bermesyuarat dengan mereka di sini untuk mengetahui apa lagi keperluan mereka, walaupun mereka tak berada dalam RTG, kita perlu membantu dan ini tugas saya," katanya yang tidak menolak kemungkinan Nur Shazrin mampu mencipta kejutan di Paris.

Sebagai rekod, pencapaian terbaik Malaysia di Sukan Olimpik adalah pada edisi Rio 2016 dengan merangkul empat perak dan satu gangsa.

Sukan Olimpik Paris dijadualkan berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos tahun depan. - ©BERNAMA

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MUHASABAH DIRI, TINGKATKAN IMAN, JAUHI LARANGAN ALLAH